Sir, we note that under Head S. 1, item (34), on page 28, there is an allowance provided for the Leader of the House, but no provision is made for an allowance for a Leader of the Opposition. Admittedly, Sir, at the present moment, the Opposition is somewhat fragmented. However, Sir, not only this House but the whole country realises the importance of the Opposition. And the manner whereby, fragmented as we are in ideology certainly, within this House in the course of the last weeks we have certainly presented a front sufficiently united to cause consternation to the Benches opposite to ourselves, Sir, it would have been a better reflection of parliamentary democracy if at least a token provision had been given for a Leader of the Opposition under the Personal Emoluments.

Touching under O.C.A.R., items (4), (8), (10), (12) and (13) on page 29, in general, my comments are with regard to the expenses of the meetings held in Parliament, and here we note that savings have been made amounting to very nearly \$300,000. Sir, I feel that in this particular case not only savings should not have been made, because of the importance of Parliament, but we should have provided for even greater improvement. The most important point, I feel, is the fact that with the formation of Malaysia vast numbers of parliamentarians have actually got to know what Malaysia is, and to those who are living in the Borneo territories—in Sabah and in Sarawak—and *vice versa* to those who are living in the States of Malaya, we feel that it is necessary that provision should be made whereby free air-travel should be extended to Members of the House whereby Members from both sides of the water can familiarise themselves with the situation in Sarawak and Sabah in the case of those in Malaya, and *vice versa*, the situation in Malaya by members in Sabah and Sarawak. For example, when we raised questions, in the general debate, about matters pertaining to Sarawak, the Honourable Minister for Sarawak Affairs commented, why the Member from Tanjong should refer to Sarawak matters. Sir,

that was due largely to the fact that out of our own initiative we travelled over to Sarawak to find out how things were, but because of the necessary curtailment of financing tours, we had to confine our observations to very detailed situations. Sir, a provision, therefore, for Members at least to have one to-and-fro free air travel ticket to all parts of Malaysia during the course of the year, or possibly two, I think, will make it more feasible for Members of Parliament at least to comprehend what the whole of Malaysia really is and what the import of Malaysia will be.

Sir, there is another point which I would like to raise because no provision for it has been made. It is a fact that the country today has awakened to the importance of parliamentary debates, and although properly I suppose it should be taken under the Ministry of Information and Broadcasting, I think I could refer to it under the House, in view of the fact that the House has provisions for immediate simultaneous translation. Sir, a suggestion which I would like to put to the Honourable Prime Minister is that the proceedings of this House could either be broadcast over *Radio Malaysia*, or they could be broadcast over *Rediffusion*, and arrangements made whereby the whole country, the people of the country, who are interested in the proceedings of this House, can follow them. Sir, we in the Opposition certainly feel that there might be a provision, whereby Members from the Government benches in large numbers will be at least stimulated to speak a little more than they at present want to—I mean, Members who are on the Alliance back benches will probably be, under those conditions, stimulated to show their oratory powers, or powers of observation with regard to proceedings in this House.

Sir, with regard to provision under Supply Head for the Printing and Stationery of the Auditor-General's Department, we would like to make only this comment. Here, again, the Reports of the Auditor-General reached only a very limited circulation, and it might be

salutory for the whole nation to realise to what extent public expenditures have been uncurbed and public expenditures have been wrongly done, if the Auditor-General's Reports could not only be timely, as has already been brought up by the Member for Bukit Bintang, but also could reach a wider circulation. At the present moment, as far as we understand, all these publications by the Auditor-General, the reports that are made yearly for all the States, including the Central Government, point out numerous defects in Government administrative procedure with regard to expenses, but these are completely ignored, so that year in year out comments, which could cause the greatest concern throughout the country, are left unheeded, because the circulation of the Auditor-General's reports does not reach a wide enough public.

Sir, another point we note with some degree of concern is in respect of Head S. 4, under O.C.A.R., Sub-head 10—By-Elections Local Councils. Sir, we have made many points and we have already suggested that the Government should look into the business of allowing local council general elections to be carried out as soon as possible. The suspension of local authorities elections by decree last year, under the Emergency laws, is a matter, I think, which hits at the root of democracy in our country. We are not generally satisfied by the remarks that were made by the Minister of Local Government and Housing in earlier replies that it is not possible under the conditions of the emergency to hold these local council elections. But we note with concern, particularly Sub-head 21, Local Council General Elections, that only \$90, a token vote, is provided for the nine States. Virtually, it means that in 1966, the Government certainly does not intend to hold general local council elections and, therefore, the decree that was passed last year would be continued for the whole of 1966. Sir, especially with the implementation of the education rate which, to a large extent, will have to be borne by local councils, we feel that a basic principle in parliamentary democracy, that there should

be no taxation without representation is being violated. Therefore, we urge the Government seriously to look into this question of having local authorities elections as soon as possible.

Sir, one other small matter which was dealt with by the Honourable Member for Bidor and Tanjong Malim, and that is with regard to the provision for study tours. That matter, Sir, could also be taken under Head S. 1 with regard to contributions to the Commonwealth Parliamentary Association. Sir, the image of Malaysia as a country with a flourishing parliamentary democracy has got to be sustained not only in this country but also abroad. We have noted, Sir, how foreign parliamentary missions visiting Malaysia carefully included Opposition Members in their teams visiting Malaysia, and this is a way whereby in external affairs this House can present a common front to the rest of the world. So, I commend to the Honourable Prime Minister, in providing for these study tours, the necessity of including Members of the Opposition in teams that are visiting other countries, so that this parliamentary democracy which we talk so much about shall have as clear a foreign image as it should have, and we know under the present circumstances that image is somewhat blurred. Under those circumstances, Sir, we feel it is supremely important that the Government take up this matter seriously and rapidly so that at least, for the first time, important study tours and tours abroad from Parliament will include Members from the Opposition. Thank you, Sir.

Enche' Chin Foon (Ulu Kinta): Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Head S. 7 on study tours. As I am aware, Sir, in my constituency we have a lot of people who were not given a chance for study tours, and I regret to say that the allocation for 1965 was \$700,000 but the allocation for 1966 is only \$500,000. Thus there is a big cut of \$200,000 as a result of which the chances of these people going overseas are lessened. Therefore, I wish to draw the attention of our Minister to look into this matter and to see that

at least some members from my constituency, Ulu Kinta, would have a chance of taking part in these study tours.

Now, I wish to come to Head S. 1—the Senate and the House of Representatives. The other day a Member from the Opposition, the Member for Bachok, has commented on these Senators, saying that we should raise their status similar to that of Members of Parliament. I disagree with his comment, because we as Members of Parliament are elected by the people in our constituency, whereas Members of the Senate are being nominated either from Party level or State level. Furthermore, we, as Members of Parliament, have to serve our constituents and our monthly petrol expenses in touring our constituencies at least cost us about \$150 to \$200, whereas Members of the Senate do not have the responsibility to look after their constituencies, because they have nobody to represent—they are only nominated to the Upper House. Mr Chairman, Sir, as you know, it has been the past practice, of Opposition parties to criticise us adversely. During the General Elections in 1964, my opponent has accused Members of the Senate saying that they are not elected Members. They said they were being provided for by our Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, and they had even gone to the extent of embarrassing these Members of the Senate by saying that they were from the sarong of Tunku Abdul Rahman. That is why I hope, in future, these Opposition parties should not make such sarcastic statements. Thank you, Sir.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, muka 273 S. 1 Butiran (9) Jurubahasa Serentak.

Tuan Pengerusi, mengikut keterangan di-sini ada tiga pegawai, tetapi yang bekerja sekarang chuma dua orang sahaja. Saya harap perkara ini dapat di-penuhi, kerana Jurubahasa Serentak ini sangat-lah mustahak—dia pun dudok di-bilek chermin yang terkurong. Dalam pada itu, ada dua pegawai sambilan. Sa-tahu saya, elauin yang patut di-terima pada tahun lalu, ia-lah

sa-banyak \$70 pada satu hari, tetapi yang di-terima hanya \$35 sahaja pada sa-hari. Di-harapkan dapat Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berhubung dengan hal ini. Jurubahasa Serentak ini saya berharap juga-lah kalau dapat terutama pegawai yang bergaji tetap ini di-beri peluang sama, pergi melawat sambil belajar.

Tuan Pengerusi, muka 32, S. 3, Butiran (24). Opereter Talipon. Sa-tahu saya ada chuma sa-orang sahaja. Jadi ini di-harapkan dapat pehak yang berkenaan menambahkan, kerana dia na' buang ayer kechil, pun ta' dapat. Pada hal hari², sa-tiap masa, di-gunakan oleh Ahli Dewan Ra'ayat ini telephone untok berhubung dengan keluarga masing².

Tuan Pengerusi, muka 63, S. 9, Butiran (1) berhubung dengan tugas Pegawai² Perjawatan.

Tuan Pengerusi, sa-tengah² Ahli Dewan ini telah berchakap tadi dan sa-malam juga. Saya berpendapat adalah tugas Pegawai Perjawatan yang ada ini ia-itu maseh menjalankan kerja² penjajah lagi. Saya suka-lah memberi pandangan berhubung dengan Pegawai² Division I dan Division II. Memang menjadi satu syarat pada sa-saorang pegawai ini, apabila hendak naik gaji mesti-lah lulus dalam bahasa kebangsaan. Kalau tidak, dia tidak dapat naik gaji. Yang malang-nya kapada pegawai ini di-beri pelajaran—dia hendaklah belajar umpama-nya, berhubung dengan buku—sa-tahu saya tidak ada buku² yang di-ajar terjemahan daripada Inggeris ka-Melayu. Buku² yang di-beri kapada pegawai ini belajar bahasa kebangsaan, chuma buku², umpama, *Tiga Beradek dari England*, dan hikayat *Sang Kanchil*—cherita yang tidak menarek hati dan lapok sangat. Pada hal Dewan Bahasa dan Pustaka banyak mengeluarkan buku² baharu—ini tidak di-gunakan oleh F.E.O. ini—tidak di-beri perintah.

Jadi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pelajaran bahasa Melayu bagi pegawai² Kerajaan ini, saya berpendapat, kita berkehendakkan pegawai² ini belajar, bukan-lah di-maksudkan kerana dia belajar untok hendak lulus

dalam bahasa Melayu itu kerana hendak mendapat tambahan gaji. Tetapi kita suroh dia belajar—mustahak belajar, supaya mereka dapat menggunakan pelajaran bahasa kebangsaan ini untuk hari². Tetapi, kalau ada buku² yang saya nyatakan ini, umpama-nya, dalam pelajaran Darjah I pegawai² ini di-beri pelajaran itu sahaja, saya tidak menyalahkan pegawai Kerajaan, tetapi Pegawai Perjawatan ini yang tidak mengambil hirau—hendak merendah²-kan bahasa kebangsaan. Jadi pegawai yang belajar itu, chuma kerana hendak tahu bahasa kebangsaan untuk hendak dapat gaji. Dia tidak belajar lebeh lagi, hendak menggunakan bahasa Melayu itu supaya dapat di-jalankan-nya pada saban masa.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya beri pandangan lagi—pegawai² ini di-mustahakkan pula hendak-lah lulus atau, jika ta' silap saya, berhubung dengan adat² orang Melayu, sejarah Tanah Melayu. Baik-lah. Dan mustahak pula, mesti belajar tulisan Jawi. Jadi saya berharap, terutama sa-kali Kementerian Pelajaran, chuba-lah mengisytiharkan dengan tegas bahasa kebangsaan kita ini hendak di-gunakan Jawi atau Rumi. Saya berpendapat ia-lah Rumi—tulisan Rumi. Jadi pegawai ini di-suroh pula mengenal dengan tidak ada memberi guna kepada mereka. Sa-tahu saya di-pejabat² Kerajaan, yang paling susah sekarang ia-lah trengkas bahasa Melayu. Kalau satu pejabat itu sa-orang, kena-lah dia yang paling terok hendak menterjemahkan bahasa Inggeris itu kepada Melayu untuk menaikkan perintah ketua².

Pada hal kalau pegawai ini faham, dia sendiri boleh menterjemahkan, tetapi kesalahan ini saya letakkan balek kepada Pegawai Perjawatan yang saya anggap tidak mahu mengubah dasar penjajah lapan tahun yang dahulu itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang aneh, orang² yang bukan Melayu di-beri peluang belajar, Kerajaan kena duit membayar orang ini belajar kalau ta' salah \$55 sa-bulan boleh mengadakan guru, jadi banyak-lah guru² mendapat peluang, kerana pegawai ini hendak dapat lulus dalam pepereksaan-nya. Kerana hendak naik gaji dia kena-lah

mengambil walau pun sa-bulan sa-kali pun guru ini dapat juga \$55. Ini juga saya fikir lebeh baik wang ini di-berikan kepada ranchangan lain, kerana ra'ayat yang ta'at setia di-dalam negeri ini, yang mengaku tanah ayer kita ini patut-lah belajar bahasa kebangsaan ini dengan sendiri, tidak payah lagi Kerajaan memberi wang kerana belajar bahasa kebangsaan ini. Lebeh baik kita gunakan lebeh luas lagi wang² peruntukan yang sa-rupa ini, kita beri peluang kepada pegawai² Kerajaan dan orang² yang berkelayakan belajar bahasa asing, umpama-nya pegawai ini di-beri peluang menjadi Duta ka-negeri Jepun, umpama-nya, daripada masa sekarang ra'ayat negeri ini yang suka hendak belajar bahasa Jepun di-beri peruntukan belajar. Dahulu juga saya ada berchakap sa-tengah² Duta kita yang dudok di-luar negeri, umpama-nya Peranchis, Duta kita yang di-hantarkan ka-negeri Peranchis, orang itu buta dalam bahasa Peranchis, di-hantar ka-negeri Arab, orang itu tidak tahu satu patah bahasa Arab. Jadi propaganda apa-kah yang boleh dia hendak tebar-kan berhubung dengan hal negeri kita ini. Jadi dia jadi kayu sahaja menjadi Duta di-negeri² itu. Ini ada lebeh baik di-berikan peruntukan, bukan kita hendak menyalahkan dia tetapi Kerajaan lupa membuat peruntukan memberi kapada pegawai kita itu belajar bahasa tempat yang dia dudok menjadi Duta itu. Ta' kan-lah duit kocek dia sendiri hendak kena. Pada hal perbelanjaan di-luar negeri ini, Tuan Pengerusi sendiri sedia ma'alum.

Tuan Pengerusi, saya tertarek hati dengan ucapan daripada pehak Pembangkang, terutama-nya wakil Bachok. Dia ada di-sini! Sa-lama ini tidak pernah atau jarang wakil daripada pehak Pembangkang ini minta tambah elaun, tetapi pada hari sa-malam, kalau tidak salah-lah telinga saya, dia bersetuju kalau boleh elaun ini di-naikkan, konon-nya dia hendak mem-bela Dewan Senate, tetapi dia mahu Dewan Ra'ayat ini. Itu yang betul. Jadi saya, kerana daripada pehak Pembangkang sudah minta elaun Dewan Ra'ayat ini di-tambah, saya juga-lah meminta, kerana saya beri-lah pandangan, Tuan Pengerusi. Ini

bandingan, mula-nya semenjak kita ada pilihan raya kalau wakil ra'ayat Negeri mendapat elaun \$250.00 Wakil Ra'ayat Parlimen di-beri \$500.00 Wakil Ra'ayat Negeri di-beri \$375.00 Wakil Parlimen ini di-beri \$750.00. Tetapi ada wakil ra'ayat Negeri dapat \$750.00—naik \$500.00! Kita tidak naik—\$750.00 juga. Wakil Ra'ayat Negeri dapat \$750.00 Wakil Parlimen ini \$750.00 juga, pada hal itu Exco-lah \$750.00.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelesan, negeri mana yang Wakil ra'ayat Negeri dapat \$750.00 sa-bulan?

Enche' Abdul Karim bin Abu: Selangor—Selangor ini chontoh-nya elaun dia \$500.00 elaun Exco \$250.00.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Exco jawatan dia. Menteri pun pendapatan-nya beribu²—itu masalah lain.

Enche' Abdul Karim bin Abu: Negeri, bukan wakil ra'ayat Parlimen dan wakil Parlimen. Umpama-nya kawasan saya, satu kawasan saya 5 wakil ra'ayat negeri ada di-bawah saya. Jadi Tunku Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan chuba-lah tolong. Ra'ayat tentu marah apabila wakil ra'ayat berchakap tidak ada lain—hendak minta elaun lebih—tetapi wakil tadi daripada yang lain ada yang telah berchakap, kerana hendak beri kap (cup) kalau tidak di-beri, Wakil Ra'ayat sudah tidak di-segan, tidak guna lagi. Kalau sa-bulan 5 kap yang di-minta 10 kap, nanti wakil Ra'ayat ini menchuri, menipu, hendak menjaga taraf. Lain-lah Wakil Ra'ayat Negeri yang sudah maju saperti di-England, di-Amerika, sa-saorang yang dapat dudok di-dalam Dewan sa-rupa ini, dia orang yang millionaire, dia tidak harapkan sangat dengan elaun ini.

Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja kesenangan, saya bukan iri hati dengan Wakil Ra'ayat Negeri, di-Selangor umpama-nya, Wakil Ra'ayat dapat mileage motokar berjalan melawat sampai 800 batu, di-beri 34 sen sa-batu, kemudian dapat pula pergi terbang keluar negeri, di-beri per-

belanjaan. Orang Selangor ini jadi Wakil Ra'ayat-nya tetapi Wakil Ra'ayat Parlimen haram tidak ada dapat pinjam wang motokar pula. Sa-tengah² negeri Parlimen saya tidak tahu kalau Wakil Bachok daripada Kelantan dapat?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya pergi ka-Sabah dan Sarawak, sebab saya bagus daripada wakil Melaka!

Enche' Abdul Karim bin Abu: Saya tanya dapat tidak pinjaman wang kerana membeli motokar sa-bagai Member of Parliament. Di-State dapat, mana taraf kita?

Akhir-nya saya perchaya semua wakil ra'ayat yang ada di-dalam Dewan ini menyokong saya, merayu supaya Yang Teramat Mulia Tunku dapat menimbangkan. Saya tidak-lah hendak membela Ahli Dewan Senate. Kita mahu kita. Tolong-lah Yang Berhormat Menteri Kewangan timbangkan hal ini. Walau pun ra'ayat berfikir atau pun berkata nanti kita, sudah-lah chukai naik, itu naik, ini naik, tetapi saya pegang tadi Pembangkang pun sudah minta supaya elaun ini di-naikkan. Jadi kalau saya ada kempen di-luar, saya hendak chakap Pembangkang bersetuju, kerana kita ini tidak chukup, tetapi bukan Pembangkang yang sa-belah sini, yang ada misai itu! Terima kaseh.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Speaker, Sir, I would first of all take an intriguing item under Supply Head 7, page 52, sub-head 4, under Other Charges Annually Recurrent—Government Hospitality Fund of \$95,000. Sir, it will be considered that every Government does require a Hospitality Fund. Visitors from several foreign countries come to our capital city. But I would like to know, Sir, for exactly what purposes this Hospitality Fund is used, and in this connection, Sir, I might refer to the recent visit to this country by several trade union leaders from Africa.

It was our hope, Sir, that the trade union leaders visiting this country, taking a look at Kuala Lumpur, at our institutions, at our places of learning,

at our trade unions, would be able to go back and report to their countries that Indonesian propaganda against Malaysia was all wrong, that Malaysia is not a neo-colonialist plot and so on. Before one of them departed, I met him at the Airport and asked him, what he thought about Malaysia; and I expected to hear from him, Sir, "Oh, yes, I am quite satisfied that this is not a neo-colonialist plot and so forth" and that in him we would have another ambassador of goodwill for Malaysia in his own country. But instead of which Sir, what I heard from him shocked me considerably. He said in answer to my question, "Oh yes, wonderful massage parlours in Kuala Lumpur" (*Laughter*). I do hope, Sir, that our Hospitality Fund will not be used in order to show our foreign guests massage parlours as well. I mean the whole purpose of the operation of inviting friends from Afro-Asia to visit our country is to create a better image for ourselves, but when they go back to their countries and their chief memory of this country is not that it is not a neo-colonialist plot, Sir, but their chief memory of this country is that here, in the capital city of Malaysia, we are distinguished by the fact that we have massage parlours in which no part of the body is left unmassaged (*Laughter*), and if that kind of impression is created, Sir, I say I am very sorry for the future of our country. And what exactly will this money be used for? It could be intended as a disguised form of entertainment allowance to supplement the \$3,000 which the Ministers have.

Next, Sir, Sub-head 5, also on the same page—Maintenance of Residences and Compound. Sir, the provision for 1966, \$45,000 is an increase over 1965, although the rise is only by a small amount of \$3,000; and my query, Sir, is how many residences are covered by this vote; how many others are there for other Ministers and Assistant Ministers?

Next, Sub-head 8, Sir, Transport and Travelling. The amount voted for 1966 is only \$120,000 compared to \$177,000 made available in 1965 and this included, I believe, a supplementary estimate of \$46,000.

Sir, this reduction could reflect an effort to economise, but hardly because the amount seems high. It may be that the 1966 provision is only nominal with a view to further addition to the vote by a supplementary estimate in 1966.

Sub-head 12, Study Tours, has already been touched upon by other Honourable Members of this House. \$700,000, Sir, was voted in the 1965 Estimates for this item and another \$500,000 is voted for 1966. Now, my query is, Sir, who goes on these tours?—I would also request for examples of such tours for 1965 and 1964. What are the proposed tours for 1966 and who would be sent? I ask this, Sir, because study tours are important but all of us have heard, Sir, of people who go bird-watching in Picadilly and sky-watching in Taipeh.

Sir, under Special Expenditure, there appear two items for query. Sub-head 47—Orders of Chivalry. Sir, in 1965 the estimated expenditure was \$200,000, for 1966 another \$175,000 is proposed. Sir, have the number of chivalrous gentlemen in our country grown by such a number? My query is, in what manner will the money be spent and are these awards, honours, accompanied with monetary benefits as well?

That is all I have, Sir, under these items and I hope that the Ministers have taken note of these queries. Most of them are not here, but I do hope that they are at least in their rooms listening to the queries.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan.

Sitting suspended at 11.45 a.m.

Sitting resumed at 12.05 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Mr Speaker: I would like to remind the House that the debate on these items have ranged quite wide. I think we could allow till 12.15 or there about, after which the Minister will make his reply.

Dr Mahathir bin Mohamed (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya

ingin berchakap di-bawah Head S. 9 ia-itu Pejabat Perjawatan Persekutuan. Tahun yang lepas saya telah pun berchakap berkenaan dengan General Orders yang menjadi kitab besar bagi Pejabat Perjawatan Persekutuan. Pada tahun ini juga saya telah dengar Ahli Yang Berhormat yang lain menyebut berkenaan dengan General Orders ini. Yang sa-benar-nya, kita semua tahu bahawa General Orders ini, kebanyakan daripada kandungan-nya, telah pun di-buat di-masa penjajah, dan tidak lagi sesuai dengan kehendak² satu negara yang merdeka. Ada beberapa aturan yang ada di-dalam General Orders ini yang menghalang tujuan² nasional kita, tetapi sunggoh pun begitu, pegawai² dalam Pejabat Perjawatan Persekutuan ini maseh lagi berpegang kuat kepada General Orders ini. Saya perchaya kalau-lah kita adakan General Orders, patut-lah kita mengikut General Orders ini, tetapi kalau-lah General Orders ini sudah tidak sesuai dengan keadaan masa, maka patut-lah kita revise General Orders ini. Masa yang patut kita revise General Orders ini sudah lama tiba, tetapi sa-hingga sekarang saya belum dengar lagi ada ura² untuk membuat revision berkenaan dengan General Orders yang mana tidak lagi sesuai dengan kehendak² negara.

Saya tahu juga berkenaan dengan General Orders ini, sunggoh pun patut di-turuti, tetapi pada masa penjajah dahulu, saya tahu ia-itu orang² Inggeris penjajah dahulu kalau untuk mereka, untuk kesenangan diri mereka sendiri, mereka telah melanggar General Orders ini. General Orders ini chuma di-ikuti apabila bersangkut-paut dengan orang² di-sini. Ini menunjukkan bahawa General Orders ini bukan-lah begitu kuat di-pegang oleh penjajah dahulu. Jadi sebab apa-kah yang kita berpegang begitu kuat kepada General Orders ini sa-hingga jahanam kehendak² nasional kita.

Lagi satu perkara, berkenaan dengan Pejabat Perjawatan ini ia-lah pada fikiran saya pegawai² di-dalam Pejabat ini kurang faham berkenaan dengan tanggungan mereka itu. Tegeran ini saya buat di-dalam Rumah ini, sunggoh pun saya tahu mereka ini

ia-lah orang yang berkuasa yang boleh menimpa serba sedikit kepada sa-siapa yang menegor kepada mereka. Tetapi, kadang² pegawai² di-dalam Pejabat ini, kalau di-tanya apa² satu, selalu-lah mengedarkan pertanyaan itu kepada Kementerian yang lain atau pun Pejabat yang lain seperti P.S.C. dan kadang² di-pusing² pula pertanyaan itu. Umpama-nya, kalau-lah berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, kalau di-tanya kepada Pejabat Perjawatan Persekutuan, mereka berkata sila bertanya kepada Pesuruhjaya Perkhidmatan 'Awam. Daripada Pesuruhjaya Perkhidmatan 'Awam pula tidak dapat juga keputusan di-tanya balek kepada Ministry, daripada Ministry akhir-nya pulang balek ka-Pejabat Perjawatan Persekutuan. Maka masa itu pula-lah baharu mereka ini buat keputusan. Ini berma'na bahawa pegawai dalam Pejabat ini kurang faham berkenaan dengan tanggungan-nya dan ini-lah sebab-nya daripada mula lagi tidak dapat membuat keputusan. Jadi kalau-lah kita terpaksa belanja beratus ribu ringgit untuk Pejabat Perjawatan Persekutuan ini, saya harap-lah supaya General Orders ini di-perbetulkan supaya sesuai dengan keadaan masa dan kehendak² negara dan yang kedua-nya pegawai² di-dalam Pejabat ini mahu-lah bertanggung-jawab dan berani membuat keputusan dan tidak selalu membuang soal² atau pun pertanyaan² daripada Pegawai² di-dalam Jabatan Kerajaan yang lain² kepada lain² Ministry atau pun lain² pejabat. Terima kaseh.

Mr Chairman: Saya ingat masa sudah sampai-lah 12.15. Elok-lah Menteri menjawab.

The Assistant Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Dato' Pengerusi, semenjak tiga hari ini kita dalam Jawatan kuasa telah banyak mendengar pandangan² yang telah di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat mengenai Butiran² di-bawah Kementerian Perdana Menteri ia-itu-lah Butiran² dalam S. 1 sampai S. 11. Oleh kerana begitu banyak sa-kali, saya agak tidak-lah dapat hendak saya jawab satu persatu, tetapi sa-berapa daya upaya, saya

chuba-lah menjawab perkara² yang agak mustahak dan perkara² yang dapat di-chatitkan dalam ingatan saya.

Pertama sa-kali saya rasa menasabah-lah saya jawab dengan sa-kali gus dalam perkara² pandangan yang di-buat mengenai S. 1 ia-itu Parlimen. Pada keselurohan-nya, Ahli² Yang Berhormat telah bagitu sa-kali mengambil berat dalam perkara perjalanan Rumah Parlimen kita ini, sama ada mengenai perpustakaan, mengenai mustahak di-tambah lagi pegawai²-nya mulai daripada Pemberita², Juru² Trengkas dan lain² mengenai kedudukan Bentara Meshuarat, mengenai air-condition, Ushers dan lain² lagi. Boleh-lah saya tegaskan sa-memangnya-lah menjadi dasar dan tujuan Kerajaan hendak menjadikan Rumah Parlimen ini dan pegawai²-nya sakalian, sa-berapa daya, supaya sempurna dan di-jalankan dengan chukup terator. Jikalau Ahli² Yang Berhormat lihat di-bandingkan dengan waktu permulaan ada-nya Rumah Parlimen baharu dahulu, maka keadaan² perkhidmatan boleh di-katakan berlipat² ganda telah lebeh sempurna lagi. Sa-bagai chontoh-nya berita² laporan berkenaan dengan ucapan² Ahli Yang Berhormat sakalian yang pada satu masa dahulu terpaksa menunggu tiga empat bulan baharu di-dapati, sekarang ini hanya mengambil masa tempoh 48 jam atau dua tiga hari sahaja dapat di-kemukakan kepada Ahli² Yang Berhormat.

Berkenaan dengan perkara Perpustakaan, memang-lah di-sedari dengan kekurangan wang sa-banyak daripada \$10,000 menjadi \$3,700 itu barangkali satu perkara yang boleh menyebabkan Ahli² Yang Berhormat merasa Perpustakaan ini hendak di-rendahkan mutu-nya dan hendak di-kurangkan buku-nya dan lain². Tetapi sa-benarnya tujuan bukan-lah bagitu. Ini ia-lah oleh kerana di-ingatkan bahawa Parlimen ini ia-lah sa-bagai puncha segala gerakan pemerentahan dan Kerajaan, maka kita barangkali di-kehendaki menunjukkan satu chontoh dalam gerakan berjimat chermat ini. Walau macham mana pun perkara ini dan lain² perkara itu boleh-lah saya edarkan kepada "House Committee" dan

juga berkenaan dengan gaji, elaun dan lain² lagi itu kepada "Advisory Committee" staff di-Parlimen ini. Maka boleh-lah saya edarkan perkara² itu kepada Committee² yang berkenaan untuk di-timbangkan sa-lanjut-nya lagi. Apa yang saya boleh tegaskan ia-lah, sa-berapa daya upaya, kita akan chuba-lah menyempurnakan kehendak² yang menasabah yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Chuma satu perkara saya suka tegaskan di-sini. Baharu pagi tadi, ada sa-orang Ahli Yang Berhormat menyebutkan berkenaan dengan "Sergeant-at-Arms" atau pun Bentara Meshuarat patut di-beri gaji penoh. Jadi nampaknya dalam Buku Perbelanjaan ini yang sa-benar-nya, nampak-nya sejak 1964 memang ada \$6,000 satu tahun atau \$500 sa-bulan gaji tetap bagi Bentara Meshuarat ini.

Sekarang ini, saya chuba jawab satu persatu mulai daripada pandangan yang di-beri oleh Ahli daripada Kota Star Selatan baharu sa-kejap tadi berkenaan dengan perkara Perintah 'Am atau pun General Orders, yang menurut pandangan beliau itu, ada-lah satu pesaka penjajah yang sudah lapok. Memang saya ingat-lah pada tahun lepas juga beliau Yang Berhormat ini telah membuat pandangan bagini dan saya juga yang telah memberi jawapan-nya. Jadi apa yang saya di-beri tahu oleh pehak Kerajaan ia-itu sa-memang-lah perkara ini sangat di-sedari dan oleh sebab itu-lah satu bahagian khas kerana mengkaji dan meneliti dan mengemukakan satu G.O. yang baharu akan di-buat, sama ada bahagian itu dudok-nya dalam Jabatan Perdana Menteri atau pun Jabatan F.E.O. akan di-tentukan. Tetapi pada dasar-nya telah-lah di-setujukan supaya satu bahagian khas untuk mengkaji sa-halus²-nya di-jadikan G.O. ini betul² mengikut kehendak² sekarang dan boleh menyesuaikan keadaan sekarang ini, sedang di-ambil tindakan yang sewajar-nya.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor ia-itu pertama sa-kali berkenaan dengan pandangan beliau

dalam perkara temu-duga oleh Perkhidmatan 'Awam di-mana kadang² ada di-tanyakan nama² isteri Menteri, maka saya di-beri tahu perkara itu sa-panjang yang mengenai Surohan-jaya Perkhidmatan 'Awam, tingkatan Kerajaan Pusat, ini tidak-lah berlaku. Perlu-lah saya tegaskan Perkhidmatan 'Awam ini ada dua tingkat: satu tingkat Negeri, satu tingkat Persekutuan. Sa-panjang yang mengenai tingkatan Persekutuan atau Pusat, ini saya di-beri tahu tidak-lah di-tanya perkara nama isteri² Menteri dan lain². Memang ada di-tanya perkara² mengenai pengetahuan 'am yang besar seperti nama Menteri², nama Tuan Governor, nama lain² lagi, oleh kerana saya di-beri tahu ada kejadian² orang² kita yang datang interview itu boleh di-katakan pengetahuan-nya bagitu chetek sa-kali.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, pertama sa-kali dalam perkara Government Hospitality Fund, saya suka-lah menegaskan wang peruntukan ini ditujukan untuk penggunaan dhaif² agong atau tetamu² khas yang datang melawat ka-negeri kita ini. Wang ini tidak-lah sa-kali², sa-bagaimana kata Yang Berhormat tadi, di-gunakan, mithal-nya, kata beliau tadi sa-orang kawan dia daripada Trade Union datang ka-sini menyebut hal rumahurut atau massage parlour. Wang ini, saya kata, tidak di-gunakan untuk perkara² yang bagitu. Jika berbangkit perkara bagitu, saya tidak tahu-lah, barangkali kawan Yang Berhormat itu dan Yang Berhormat itu sendiri barangkali biasa dengan massage parlour. Jadi sebab itu-lah timbul kata² yang bagitu sesuai, barangkali, dengan keadaan² beliau sendiri.

Berkenaan dengan chara² menggunakan wang ini ia-lah di-gunakan untuk, mithal-nya, tetamu² agong itu datang di-bawa ka-tempat² mustahak, di-bawa melawat beberapa bandar² yang mustahak di-negara kita ini, maka wang bagini-lah di-gunakan untuk tetamu itu.

Berkenaan dengan satu lagi peruntukan kerana Bintang² Darjah Kebesaran, maka sa-benar-nya wang²

ini di-gunakan ia-lah kerana menyediakan pada tiap² tahun Bintang² yang di-kurniakan pada Hari Kepu-teraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga di-gunakan pada masa lawatan² ka-luar negeri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau pun Perdana Menteri di-mana Pengurniaan² Bintang di-jalankan. Bagitu juga-lah apabila Ketua² Negara dan Pembesar Negara asing datang ka-negeri kita ini, maka pertukaran² hadiah Bintang itu di-jalankan. Maka itu-lah tujuan-nya.

Berkenaan dengan jenis siapa-kah lagi yang di-beri Bintang ini, saya suka-lah menegaskan Bintang² ini di-beri ia-lah kapada mereka yang memberi khidmat yang chemerlang dan ta'at setia-nya tidak berbelah bahagi kapada negara kita ini. Tidak-lah di-beri kalau, mithal-nya, satu² orang yang kaki-nya sa-belah di-Malaysia ini dan kaki sa-belah-nya di-Singapura, atau pun yang tinggal di-Kuala Lumpur sa-paroh masa, ada isteri di-Singapura, tidak-lah agak-nya di-beri kapada mereka yang bagitu.

Berkenaan dengan pandangan Ahli dari Jelebu-Jempol ia-itu dalam perkara G.O., tidak payah-lah saya ulang balek, sama bagaimana yang di-buat oleh Ahli dari Kedah tadi.

Ahli dari Melaka Selatan—ia-itu berkenaan dengan Juru-bahasa Serentak itu, saya sudah kata akan dirujukkan kapada Jawatan-kuasa Parli-men.

Berkenaan dengan minta pula supaya pegawai² Kerajaan yang bukan Melayu yang belajar Melayu itu tidak payah di-ajar tulisan Jawi dan lain², maka saya perchaya Ahli Yang Berhormat tadi berchakap dengan panjang lebar supaya pegawai² Kerajaan ini mengerti akan kehendak ra'ayat, mengerti akan keadaan negara kita pada masa ini, mengerti terutama sa-kali kehendak² orang kampung. Jadi saya rasa kalau hendak mengerti kehendak² orang kampung, sudah sa-patut Kerajaan memberansangkan supaya pegawai Kerajaan mempelajari tulisan Jawi oleh kerana tulisan Jawi-lah

biasa orang kampung itu dapat mengemukakan pandangan² mereka dan melalui tulisan Jawi-lah juga surat-khabar seperti *Utusan Melayu*, berkenaan dengan orang kampung, dikeluarkan di-mana pegawai² itu boleh mengikut dengan sa-penoh-nya. Jadi saya rasa pandangan Yang Berhormat itu dalam perkara ini ada-lah bertelengkah dengan kehendak Yang Berhormat itu sendiri.

Berkenaan dengan pandangan beliau lagi dalam perkara elau Ahli² Dewan Ra'ayat ini kurang daripada Ahli Dewan Negeri. Perkara itu ia-lah perkara yang saya rasa tidak boleh-lah saya hendak menjawab terus begitu sahaja, tetapi walau macham mana pun, saya suka-lah dalam kita berkhidmat kepada ra'ayat ini, perkara elau itu barangkali nombor dua. Perkara yang besar sa-kali ia-lah dalam chara kita memberi khidmat dengan lebeh sempurna, dengan lebeh chukup puas hati lagi kepada ra'ayat, mustahak-lah kita sentiasa ingatkan. Jadi, sebab itu-lah jika elau tidak begitu besar, tetapi dapat kita memberi bukti, dapat kita memberi jasa kepada ra'ayat, itu-lah yang saya rasa satu perkara besar yang patut sama² dapat kita megahkan.

Pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ia-itu pertama sa-kali berkenaan dengan kenapa tidak ada satu imbohan atau elau khas kepada Leader of the Opposition. Jadi, perkara ini juga saya rasa tidak dapat jawab dengan serta-merta. Apa yang saya beri, pandangan bagini sahaja-lah. Pada pandangan saya, Opposition sama sendiri pun barangkali untuk menjadi Leader itu belum tentu lagi, oleh kerana pihak P.M.I.P. ada dengan ketua-nya sendiri, rasa-nya tidak dapat pula menerima pandangan daripada pihak Socialist Front atau Ahli dari Tanjong sendiri. Jadi sebab itu-lah saya rasa kita, sa-belum berchakap dalam perkara elau Leader of the Opposition itu, nampak-nya Opposition sendiri belum mempunyai Leader yang betul² dapat di-terima oleh semua gulungan Opposition.

Kedua-nya pula berkenaan dengan perkara perjalanan dalam Majlis

Dewan ini patut di-broadcastkan atau patut di-siarkan dalam radio dan T.V. Perkara itu barangkali boleh-lah patut-nya di-bangkitkan sa-mula dalam Kementerian Penerangan.

Berkenaan dengan report daripada Auditor-General sampai bilangan sangat sedikit. Sa-benar-nya saya di-beri tahu report² itu boleh di-dapati dengan harga² yang tertentu daripada Jabatan Chetak Kerajaan atau pun daripada agent yang di-tentukan.

Pandangan Ahli dari Tanjong Malim dan beberapa orang Ahli lagi dalam perkara Study Tour. Pertama sa-kali, Ahli² Yang Berhormat dari Tanjong Malim dan Ulu Kinta meminta supaya ahli yang menasabah daripada kawasan masing² jangan dilupakan dalam perkara Study Tour ini. Suka-lah saya hendak menegaskan perkara ini. Study Tour ini ada dengan terms of reference-nya di-mana mereka yang terta'alok dalam syarat² itu-lah di-beri peluang untuk Study Tour ini. Walau macham mana pun, pandangan itu akan di-ambil ingatan-lah dan saya sedar sa-memang-nya banyak lagi Ahli Parliament ini yang telah beberapa term berkhidmat dalam Parlimen ini yang tidak langsung mendapat peluang untuk mengambil faedah daripada Study Tour ini. Juga perkara ini boleh di-ambil ingatan.

Ahli dari Perlis Selatan mengeluarkan pertanyaan kenapa pegawai² yang beruniform di-benarkan masuk dalam Bangunan ini dan berchampur-gaul dengan Ahli² sakalian. Jadi, saya rasa beliau membangkitkan satu adat resam Parlimen ia-itu ahli yang beruniform tidak boleh masuk berchampur gaul. Sa-panjang yang saya di-beri tahu, ahli beruniform yang datang itu ia-lah kerana tugas masing² dan juga pergaulan itu bukan-lah boleh menarek pada sa-suatu yang boleh merosakkan nama baik atau pun boleh mengangarohi Ahli² Yang Berhormat pada sa-suatu perkara yang tidak sesuai dengan keadaan Parlimen. Sa-panjang yang saya tahu, ahli² beruniform yang datang itu sa-mata² pertama sa-kali kebanyakan ia-lah untuk mengawal keselamatan dalam Parlimen ini.

Berkenaan dengan pandangan beliau supaya di-satukan semua sa-kali service, atau pun jenis perkhidmatan dalam negeri ini. Jadi, pandangan beliau ini, patut-lah Perkhidmatan Luar Negeri, Perkhidmatan M.C.S. itu di-satukan. Saya di-beritahu, pada dasar-nya, samemang-nya-lah unified service, atau pun di-satukan Perkhidmatan Luar Negeri dengan M.C.S. ini telah dipersetujui, chuma sekarang ini ia-lah chara² bagaimana hendak di-laksanakan atau hendak di-jalankan. Pandangan beliau berkenaan dengan perkara menyatukan State Civil Service, ini berlawanan sedikit dengan pandangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis yang menghendaki supaya di-adakan State Civil Service dalam tiap² Negeri. Perkara ini, terutama sa-kali kena-lah terpulang kepada Kerajaan² Negeri untuk menentukan, dan oleh kerana ini satu perkara policy yang besar, kita tidak dapat menentukan dengan sertamerta bagini sahaja.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dalam perkara Masjid Negara, ia-itu berkenaan dengan Pertandingan Membacha Qur'an, kesusahan mendapat qari², atau pun hakim² yang terkenal oleh kerana kelambatan jemputan disebabkan Committee itu di-lantek daripada sa-tahun ka-satahun, maka perkara itu di-ambil pandangan. Dalam perkara supaya khutbah Juma'at itu disesuaikan dengan keadaan² peristiwa yang berlaku dalam tiap² minggu, maka sa-benar-nya, saya rasa, saya achap juga-lah pergi ka-Masjid Negara itu dan mendengar khutbah Juma'at yang di-buat oleh Tuan Khatib. Apa yang saya dengar mithal-nya hari Juma'at yang lepas yang dahulu sa-kali itu ia-lah theme, atau thema-nya berkenaan dengan perpaduan negara dan Defence Fund. Jadi, saya rasa khutbah yang sa-macham itu perkara² yang memang-nya menjadi perbahathan sapanjang mingguan itu dan juga saya di-beritahu memang-lah menjadi dasar Masjid Negara ini, khutbah² itu disesuaikan dengan keadaan² yang berlaku dari sa-masa ka-samasa, mengikut pandangan² ugama Islam kita.

Dalam perkara supaya ahli² ugama juga di-beri peluang dalam perkara lawatan sambil belajar, pandangan beliau itu di-ambil ingatan.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Penang Selatan, pertama-nya berkenaan dengan 18 orang nama ahli² pengundi yang ta' ada dalam senarai, bahkan pilihan raya dua kali nama-nya dalam satu register—pendaftar patut daripada orang² yang lebeh tua dan orang² yang berkenaan dengan lapangan Kerajaan. Maka saya di-beritahu jikalau sa-saorang itu sudah ada nama, nama-nya tertinggal, atau hilang, perkara itu memang-lah boleh di-appeal kepada pehak² yang berkenaan.

Dalam perkara mengambil pendaftar, mengambil nama² pengundi² ini, memang-lah menjadi satu kerumitan, ia-itu pertama sa-kali tentu-lah pendaftar² itu sa-berapa boleh-nya Surohanjaya Pilihan Raya ini supaya mereka terdiri daripada mereka² yang dudok di-tengah² yang berkechuali dan sa-berapa boleh di-gunakan daripada orang² Kerajaan. Walau macham mana pun, perkara ini boleh-lah di-ambil ingatan dan di-rojok kepada pehak Surohanjaya ini.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara terutama sa-kali supaya di-adakan seminar waktu Pertandingan Qur'an. Perkara ini di-ambil ingatan dan akan di-pertimbangkan.

Berkenaan dengan Undang² Nikah Cherai yang juga Ahli Yang Berhormat itu telah bangkitkan pada Persidangan Belanjawan tahun yang lepas, yang juga di-bangkitkan kalau ta' salah saya oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari kaum ibu di-sini, maka perkara itu saya di-beritahu Undang² Nikah dan Cherai yang di-sebutkan oleh Wakil Kuala Trengganu Utara itu, menurut keputusan Majlis Raja², Penyata mengandongi panduan chara meminda, atau pun mengambil, atau pun menggubal pentadbiran ugama Islam telah pun di-hantar oleh Penyimpan Mohor Besar Raja² kepada Setia²-usaha Kerajaan Negeri² dan

Yang di-Pertua² Pejabat Ugama Islam Negeri² pada 22 haribulan April tahun 1964. Perkara pentadbiran ugama itu kebetulan-nya ia-lah tanggung-jawab Negeri, oleh sebab itu, mereka² yang saya sebutkan tadi telah di-minta mengambil tindakan yang sesuai dengan panduan yang di-kemukakan itu.

Berkenaan dengan perkara kesusahaan pelawat² untok masok dalam Masjid Negara, saya di-beritahu peratoran² yang telah di-buat, ia-itu bagi sementara masa sekarang ini, peratoran di-adakan bagi orang² yang hendak melawat ka-Masjid Negara, mereka itu boleh melawat pada hari Sabtu hingga Khamis daripada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari, 4.30 petang hingga 6.00 petang, hari Juma'at 4 petang hingga 6 petang. Pada masa sekarang ini ada lebeh kurang 300 orang tiap² hari yang melawat, tetapi bagi mereka² yang hendak sembahyang sama ada sunnat, atau pun sembahyang fardhu biasa, mereka itu boleh-lah masok melalu² satu pintu yang di-tentukan pada bila² masa juga pun. Jadi, saya suka hendak menerangkan juga dalam perkara pentadbiran Masjid Negara ini, sa-panjang yang saya di-beritahu perkara kerumitan-nya itu ia-lah telah berlaku banyak kejadian² di-mana pelawat² itu yang terdiri daripada semua bangsa, semua ugama, kadang² menyebabkan kekotoran, bukan itu sahaja, oleh kerana Masjid ini satu tempat yang suci, kadang² telah membawa perkara² kotor dan najis dalam kawasan, atau pun di-dalam Masjid Negara itu. Jadi, sebab itu-lah satu kawalan yang rapi terpaksa di-buat. Walau macham mana saya di-beritahu, sa-berapa yang boleh, dan juga kesenangan² yang lebeh menyenangkan kapada pelawat² itu akan di-buat dari sa-masa ka-samasa dan ini menghendaki kaki-tangan dan lain² lagi yang di-tambah dari masa ka-masa. Juga beberapa orang Ahli² Yang Berhormat yang membangkitkan dalam perkara Kutub Khanah dan mustahak-nya di-adakan Kutub Khanah, mustahak di-adakan buku² ugama Islam yang banyak dalam Kutub Khanah Masjid Negara ini. Perkara ini memang-lah menjadi

satu tujuan Kerajaan hendak menjadikan Kutub Khanah di-Masjid Negara itu satu daripada Kutub Khanah yang terbesar di-mana pengajian dan simpanan buku², terutama sa-kali mengenai ugama Islam dapat di-adakan. Jadi, pandangan itu sangat-lah di-hargai dan sa-berapa daya-nya akan chuba di-laksanakan dari sa-masa ka-samasa.

Pandangan Ahli daripada Bachok—pandangan-nya banyak sangat, sampai dua muka. Sa-paroh²-nya telah juga di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain. Jadi yang telah sama² di-bangkitkan itu, tidak-lah saya jawab.

Chuma pertama-nya, di-sini beliau minta supaya dalam Parliamen ini, disamping ada penyunting dalam bahasa Melayu dan Inggeris, patut juga ada dalam bahasa Arab, supaya dengan itu, tidak-lah achap sangat beliau itu pergi ka-luar hendak memastikan sama ada betul-kah terjemahan Arab yang di-keluarkan-nya dalam ucapan-nya atau kerana minum kopi, saya ta' tahu-lah itu. Tetapi, satu sahaja yang saya rasa patut di-ingati oleh Yang Berhormat itu. Sa-bagai sa-orang tokoh pejuang bahasa kebangsaan, kita mesti ingat pepatah kita: Lulus jarum, lulus kelindan. Kalau hendak ada penyunting yang tahu bahasa Arab, apa pula salah-nya, patut ada penyunting dalam bahasa Tamil, dalam bahasa Mandarin dan lain² lagi. Jadi, saya ingat, beliau sa-bagai sa-orang ahli pejuang kebangsaan kena fikir dua kali-lah dahulu dalam perkara ini.

Berkenaan dengan Perpustakaan—atoran ta' betul, ta' ada index dan lain² lagi, perkara itu sa-benar-nya boleh-lah di-ambil pandangan dan kalau ada apa² pun ta' betul, boleh-lah di-betulkan. Dan beliau jangan segan²-lah, kerana beliau memberi tahu, segan hendak masok ka-dalam Perpustakaan kerana penjaga-nya itu sa-orang wanita! Saya dapat tahu, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini pun bukan sa-orang yang sa-barangan—sa-orang handal, maka kenapa wanita yang lemah itu mesti di-takuti pula! (*Ketawa*) Dan beliau pun datang daripada Bachok—kawasan biasa-nya mesti handal-lah.

Berkenaan dengan perkara² lain, mithalan, lift selalu ta' berjalan menyebabkan Menteri Agriculture sampai terlekat itu—perkara begitu perkara biasa-lah. Kita mesti ingat kapada takdir. Tetapi sa-bagai sa-orang Islam, beliau itu sa-orang Parti Islam, perkara² begitu, saya rasa, di luar daripada kekuasaan kita. Kadang² electric rosak, lift tidak berjalan—perkara² begitu, saya rasa tidak-lah dapat di-beri satu penegasan, oleh kerana perkara² begitu kejadian yang ta' boleh di-jangka.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tertarik hati berkenaan dengan lift ini, sebab dalam perkara perkataan accident, dalam memberi insurance kepada Ahli² Parlimen ini tidak di-masokkan di-bawah perkataan accident dari segi legal. Mithal-nya, kalau satu orang itu terlekat di-situ, dia mati juga—dia tidak dapat apa² di-situ. Jadi, dari segi legal definition itu—itu yang saya sebut di-situ. Saya minta-lah Menteri ini dapat menjawab bahawa kalau satu hari Ahli itu terperangkap dalam lift itu, dia itu *subject to this accident* atau pun tidak?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Itu, tengok-lah, jika accident, kena masuk accident-lah. Dalam perkara pandangan beliau—hal² Masjid Negara. Jadi, lebeh kurang sama dengan pandangan² yang di-beri oleh Yang Berhormat daripada Kemaman dan juga Kuala Trengganu Utara. Jadi saya ta' ulang balek-lah. Satu sahaja beliau minta, supaya di-adakan penjaga² rumah Menteri ini—adakan anjing-kah, apa-kah, penjaga. Jadi saya rasa ini pun susah-lah saya—kalau datang dari Pantai Timor, biasa-nya dengan anjing ini, jaga sangat-lah—najis, begitu, bagini. Jadi macham mana-lah beliau memberi pandangan bagini. Saya rasa ta' sesuai sangat-lah dengan pendirian daripada kawasan beliau sendiri.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan najis, itu masalah lain. Tetapi masalah penjaga itu—anjing sudah ada yang masuk Shurga. Ada bashir dalam Qu'ran—*Wakalbuhum basiton bira'ed*—ada yang masuk Shurga. Jadi

kalau anjing² jenis yang masuk Shurga itu menjaga manusia tidak menjadi salah.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Ya-lah! Walau macham mana pun, saya tahu Menteri² kita kuat sembahyang bagaimana beliau juga. Jadi, kadang² anjing ini ada yang bagus. Tetapi, kadang² kalau hendak pergi sembahyang Juma'at, tersentuh anjing itu, susah juga. Jadi sebab itu perkara ini kena-lah di-timbang betul-betul-lah.

Berkenaan dengan sebab mustahak di-adakan E.P.U.—Economic Planning Unit. Jadi sa-benar-nya, perkara ini di-bangkitkan oleh Ahli daripada Batu. Perkara E.P.U. atau Economic Planning Unit ini ia-lah satu section di Jabatan Perdana Menteri yang mengawasi seluruh Jabatan² di-Malaysia kita ini. E.P.U. bukan-lah sa-bagaimana research section di-dalam sa-suatu Kementerian atau Jabatan. E.P.U. ia-lah satu badan khas yang mengelola dan menyelidik dan memberi pandangan dalam segi perkembangan ekonomi kita ini. Segala rancangan² Kerajaan, rancangan² apa Jabatan dan Kementerian juga, biasa-nya di-bawa kapada E.P.U. ini di-situ-lah di-selideki, di-pandang dari segi keuntongan, dari segi kerugian, dari segi kerosakan, dari segi kemajuan, pada negara kita. Jadi sebab itu E.P.U. ini, sangat-lah mustahak kapada negara kita. dan E.P.U. bukan-lah boleh di-bandingkan sa-bagaimana research section atau pun bahagian penyelidikan sa-paroh² Kementerian.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu, berchakap dengan panjang lebar. Tetapi walau macham mana pun, bagaimana biasa, oleh kerana terlampau panjang lebar sangat, itu kadang² banyak menyeleweng atau pun lari daripada kehendak² dan daripada kebenaran² yang sa-benar-nya. Beliau, terutama sa-kali, membangkitkan dalam perkara report mengenai Kampong Baharu Jinjang, yang mengikut kata-nya, di-janjikan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri hendak memberikan kapada beliau apabila beliau minta. Yang sa-benar-nya,

report ini—dengan barangkali sama ada di-sedari atau tidak di-sedari oleh beliau—telah-lah di-kemukakan di-atas meja ia-itu paper presented di-sini, oleh Dewan Ra'ayat pada 15 December, tahun 1964. Bagaimana surat yang ada ini ia-itu-lah melalui report atau pun Command Paper No. 32 tahun 64 tentu-lah beliau sa-bagai Ahli Dewan ini menerima report ini. Dan sebab itu saya rasa pandangan yang di-buat oleh beliau itu, boleh jadi terlampau banyak sangat—uchapan beliau itu berpuluh² muka, jadi beliau keliru membangkitkan perkara² yang sudah pun di-selesaikan. Bagi mengisi report ini tidak-lah payah saya bachakan di-sini oleh kerana apa yang di-bangkitkan oleh beliau itu, bukan isi report, tetapi sama ada report itu di-bentangkan atau tidak, dalam Majlis ini.

Yang kedua, beliau membangkitkan berkenaan lantekan satu orang Ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam, yang beliau bangkitkan nama-nya sa-bagai Dato' Sathaya ia-itu sa-bagai sa-orang Ahli M.I.C., kata beliau. Ini satu perkara yang saya rasa sangat besar patut di-ambil berat sangat, oleh kerana dalam membuat tuduhan² bagini, membangkitkan, terutama sa-kali akan keistimewaan kedudukan P.S.C. itu sendiri, yang memang tidak patut di-bangkitkan dalam Dewan ini.

Yang kedua pula, oleh kerana perkara yang di-bangkitkan ini bohong samata² dan boleh di-katakan satu fitnah yang sengaja, yang boleh jadi hendak merosakkan kepada Ahli yang berkenaan. Dr Sathaya ini sa-panjang yang di-ketahui waktu di-lantek itu, sudah lama tidak menjadi Ahli mana² parti politik pun.

Berkenaan dengan pandangan beliau kenapa begitu banyak membazirkan wang² Kerajaan kerana pembinaan rumah di-Cameron Highlands—Rumah Persekutuan. Maka yang sa-benar-nya, Rumah Persekutuan ini telah di-tentukan untuk di-dirikan lebeh kurang dua tahun dahulu,—lama sa-belum ada-nya tindakan jimat-chermat ini. Yang kedua-nya pula, rumah ini sangat mustahak, oleh kerana beliau sendiri pun sa-bagai sa-orang yang berpela-

jaran, yang banyak melawat ka-mana² negeri, tentu-lah sama ada dalam negara yang bersifat democratic, parti negara kita ini, negara socialist atau negara communist, atau negara dictator pun, ada kedudukan² yang istimewa terpaksa di-beri kepada pemimpin² negara² itu, sama ada sa-bagai Raja, sa-bagai President sa-bagai Perdana Menteri dan lain², maka mereka itu terpaksa-lah demi kepentingan negara² yang berkenaan itu di-dudokkan pada tempat² yang tertentu untuk keselamatan mereka, untuk kesenangan mereka, dan dengan kerana itu, baharu-lah mereka itu dapat berkhidmat dengan betul kepada negara. Apa yang patut beliau mushkilkan kenapa barangkali rumah itu chuma di-belanjakan \$500,000 sahaja, tidak \$5 million—itu yang patut beliau muskilkan. Oleh kerana, kalau di-bandingkan dengan negara² lain, terutama negara² socialist, saya di-beri tahu belanja kerana perkara² itu jauh lebeh banyak, lebeh besar daripada apa yang kita belanjakan.

Beberapa orang ahli telah berchakap dalam perkara Tugu Kebangsaan, terutama sa-kali dalam perkara rupa, bentuk patong di-Tugu Kebangsaan itu. Suka-lah saya menyatakan tujuan Kerajaan mengadakan Tugu Kebangsaan itu ia-lah kerana hendak menghargai akan jasa pengorbanan yang di-beri oleh pahlawan² kita, oleh perajurit² di-tanah ayer kita sendiri yang terkorban dan memberi derma bakti yang bagitu besar sa-kali dalam zaman dharurat dahulu. Jadi, berkenaan dengan pakaian yang ada itu, saya di-beritahu pakaian itu memang-lah pakaian² yang di-gunakan dalam action, dalam masa perjuangan, dalam masa dharurat dahulu. Bukan-lah pakaian yang di-katakan di-pakai hanya oleh askar Australia, askar British, New Zealand, Fiji dan lain². Tetapi itu-lah juga pakaian yang di-gunakan oleh Angkatan Polis kita, askar kita dan lain² Angkatan Bersenjata kita. Tetapi berkenaan dengan bentuk, terutama tentang rupa-nya yang sa-paroh Ahli kita memberi tahu sama ada dalam atau luar Dewan ini, rupa sa-paroh daripada hidong itu terlampau tinggi—ta' menasabah-lah dengan rupa anak

negeri kita. Maka perkara itu sa-benarnya sedang di-ambil tindakan dan walau macham mana pun suka-lah saya menegaskan, niat dan tujuan kita, bukan-lah hendak mengadakan patong² itu yang berupa orang bukan Malaysia—bukan tujuan itu.

Saya di-beri tahu model yang digunakan untuk patong itu juga terdiri dari anak negeri ini. Tetapi apabila di-buat ini—ma'alum-lah patong itu bukan ada pakai warna puteh, warna biru atau warna hijau, jadi kadang² boleh jadi ternampak muka-nya itu boleh jadi tidak begitu rupa orang Malaysia. Jadi saya di-beri tahu, perkara itu sedang di-ambil tindakan. Bagaimana chara-nya, itu tidak dapat-lah saya hendak menegaskan di-sini. Tetapi sedang di-ambil perhatian-lah. Oleh kerana memang niat Kerajaan hendak menjadikan Tugu itu, bagaimana yang di-persetujui nampak-nya oleh semua Ahli Dewan ini, betul² dapat menunjukkan pahlawan² kita yang berjuang kerana bangsa dan negara. Jadi atas pandangan itu semua, di-ucapkan terima kaseh banyak-lah.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi topi yang di-pakai itu topi yang macham itu-kah yang di-pakai oleh tentera² kita masa dharurat dahulu?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Mengikut apa yang di-beritahu, itu-lah satu daripada jenis topi yang digunakan dalam masa perjuangan masa dharurat dahulu.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda: Pertanyaan sadikit lagi, Tuan Pengerusi. Berapa orang patong itu di-buat, kalau patong itu ramai kalau banyak jenis topi di-pakai, kenapa tidak ada banyak jenis yang di-buat pada patong itu?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Itu masing² punya pandangan-lah. Berkenaan dengan pandangan Ahli dari Pasir Puteh dalam perkara apa-kah perlu-nya Jabatan Hal Ehwal Malaysia maseh di-kekalkan lagi di-Jabatan Perdana Menteri, yang sa-benar-nya jabatan ini telah di-perkurangkan sa-berapa yang dapat

tetapi bahagian ini maseh di-kehendaki lagi untuk sementara ini kerana menyelesaikan perkara daripada segi Perlembagaan yang maseh banyak lagi belum selesai dan bahagian ini akan di-hapuskan sa-baik² sahaja perkara² ini di-sempurnakan.

Berkenaan dengan pertanyaan beliau dalam perkara satu "allocation" sa-banyak \$18,000 bantuan kepada Badan² Islam. Jadi bantuan itu satu daripada-nya di-beri kepada Darul Alkaf, tetapi dalam perkara ini suka-lah saya hendak menegaskan sa-lain daripada wang \$18,000 itu banyak badan² kebajikan Islam saperti yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu, chontoh-nya rumah yatim dan lain², bukan hanya bergantung kepada \$18,000 ini, mereka itu biasa-nya bergantung kepada derma daripada "allocation" yang ada dalam Kementerian, bukan satu ini sahaja ia-itu saperti allocation melalui Lotteries Board dan lain² lagi yang banyak saya di-beri tahu memberi bantuan dan menjadi harapan dan sandaran kepada badan² kebajikan Islam yang bagini.

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Trengganu Selatan minta di-hantar melawat ka-negeri² Kominis, pandangan beliau itu di-ambil perhatian. Berkenaan dengan supaya mutu dan juga keadaan "Staff Training Centre" di-Ibu Kota ini di-perbesarkan, maka saya rasa suka-lah mempersilakan Ahli Yang Berhormat itu melawat ka-tempat ini melihat dengan sendiri, oleh kerana saya di-beri tahu keadaan tempat itu tidak-lah juga kurang sekarang ini jikalau di-bandingkan dengan tempat² bagini yang lain termasuk-lah di-Australia tempat yang beliau sendiri berpeluang mengambil latehan di-waktu beliau itu berkhidmat dengan Kerajaan dahulu.

Yang kedua, beliau meminta supaya pegawai² daripada tingkatan Kerajaan Negeri juga di-beri peluang. Maka ini barangkali beliau ini mimpi siang hari! Yang sa-benar-nya, oleh kerana keadaan yang sa-benar-nya memang-nya pegawai² Kerajaan Negeri di-terima untuk berlatah di-Centre ini semenjak tahun 1955 lagi, dan saya tahu tiap²

tahun beratus² orang daripada seluroh negara daripada tiap² negeri yang datang termasuk-lah kawasan Ahli Yang Berhormat itu Kuala Trengganu Selatan, yang saya tahu baharu sabulan dua ini beberapa orang pegawai² yang berhampiran dengan rumah beliau sendiri yang datang berlateh di-sini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Larut Utara, beliau ini nampak-nya menyindir sadikit-lah supaya Kerajaan menambahkan Setia-usaha di-Jabatan Perdana Menteri oleh kerana Setia-usaha kurang sekarang ini sebab itu Ahli² Parlimen jarang mendapat undangan atau jemputan apabila ada lawatan² luar negeri. Jadi perkara ini memang-lah saya di-beri tahu pehak Kerajaan sangat-lah menghargai Ahli² Yang Berhormat ini daripada seluroh negeri, tetapi kadang² mithal-nya lawatan sa-orang Perdana Menteri ka-sini, di-jemput hanya M.P.2 dalam Kuala Lumpur sahaja, bukan kerana tidak di-hargai, tetapi oleh kerana kadang² tempoh jemputan itu 2-3 hari sahaja. Kalau hantar jemputan pun tidak sempat di-terima. Yang kedua, memandang kalau tidak ada sidang Parlimen ini, kalau di-hantar kepada M.P. daripada Perlis, M.P. Kota Bharu, M.P. Trengganu, barangkali beliau datang ka-sini itu sangat susah, jadi kalau telah di-undang, tidak datang, tidak bagus pula. Sebab itu-lah saya rasa barangkali kadang² di-tinggalkan itu bukan tidak di-hormat, bukan tidak di-hargai, tetapi untuk menjaga supaya jangan-lah menyusahkan sangat tuan² M.P. kita ini yang kita tahu banyak sangat kerja-nya, sebab selain daripada kerja datang di-Kuala Lumpur, yang banyak sa-kali hendak menjaga pengundi² kita, hendak menjaga kawasan² kita itu. Jadi kalau achap sangat datang kerana jamuan sahaja, barangkali nanti hendak memelihara nama baik M.P. itu pula, nanti pengundi² gadoh, untuk hadir jamuan datang ka-Kuala Lumpur juga sampai tinggal kawasan. Itu agak-nya yang menyebabkan Jabatan Perdana Menteri kadang² terpaksa tidak menjemput itu. Tetapi walau macham

mana pun saya rasa pandangan ini sangat-lah patut di-ambil ingatan dan saya nampak Ahli daripada Lipis hendak bangun, jadi tidak payah bangun-lah, jadi di-ambil berat tentang perkara ini dari sa-masa ka-samasa. Uchapan Ahli Yang Berhormat daripada Jitra-Padang Terap ia-itu berkenaan dengan gaji sama untuk wanita. Apa-kah langkah telah di-ambil untuk menyegerakan bayaran-nya. Yang sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat ini memang sangat mengambil berat dan telah membuat pertanyaan, tidak salah saya, dalam masa lampau dalam perkara ini. Perkara ini yang sa-benar-nya saya di-beri tahu memang-lah di-ambil tindakan yang chergas, tetapi terlampau banyak sangat chadangan balas yang berlaku antara pehak Kerajaan dengan pehak kakitangan, jadi ada proposals, counter-proposals, counter balek. Jadi sebab itu-lah apabila ada perlawanan—itu kena mengambil masa sadikit untuk hendak menyelesaikan perkara ini. Walau macham mana pun, saya di-beritahu memang-lah di-ambil berat sangat dan pehak Kerajaan berharap sa-berapa segera dapat melaksanakan kehendak² daripada bilangan terbesar pekerja² kita ini dalam perkara tersebut ini saya harap beliau dapat-lah bersabar sadikit dalam perkara ini muga² dapat memberi hasil yang bagus.

Pandangan Ahli bagi Raub supaya Kerajaan patut mengadakan motorkar loan, pinjaman motorkar kepada Ahli² Parlimen, perkara itu boleh-lah saya hadapkan kepada pehak yang berkenaan.

Tuan Speaker: Kalau hendak sambong boleh, hendak sambong pukul 4 ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tidak ada pun lagi. Sa-takat ini sahaja, Tuan Pengerusi, dan dengan ini saya mengemukakan S. 1 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya minta izin sadikit, saya hendak bangun hendak bertanya.

Tuan Speaker: Ya.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Dato' Pengerusi, di-dalam ucapan dua tiga hari dahulu, saya ada mengatakan bahawa pegawai bagi negeri Pahang masa ini kekurangan dan Menteri Besar Pahang sendiri pun ada membuat ucapan terbuka yang menyatakan kekurangan pegawai, di-samping saya menyeru pegawai sendiri saya harap jawapan daripada Menteri Yang Berhormat. Ada-kah perkara ini di-ambil ingatan?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Telah di-ambil ingatan dan di-edarkan kepada pehak yang berkenaan.

Question put, and agreed to.

The sums of:

\$3,374,465	for Head S. 1.
141,366	for Head S. 2.
3,110,325	for Head S. 3.
1,299,122	for Head S. 4.
721,430	for Head S. 5.
110,918	for Head S. 6.
4,603,530	for Head S. 7.
606,433	for Head S. 8.
8,461,749	for Head S. 9.
323,165	for Head S. 10.
2,481,210	for Head S. 11.

Ordered to stand part of the schedule.

House resumes.

Mr Speaker: The sitting is suspended until 4 p.m. today.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

THE SUPPLY BILL, 1966

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head S. 13—

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya mengshorkan supaya perbelanjaan yang di-tunjokkan di-bawah S. 13—Kementerian Pertanian dan Sharikat

Kerjasama yang berjumlah sa-banyak \$18,424,044 itu di-luluskan.

Wang sa-jumlah itu bagi tahun 1966 ada-lah meliputi sakalian bahagian di-bawah Kementerian saya. Chada-ngan perbelanjaan itu menunjukkan bertambah sa-banyak \$665,328 dari perbelanjaan tahun 1965 yang berjum-lah sa-banyak \$17,758,716 sahaja.

Pertambahan ini membayangkan perkembangan Bahagian² Teknik Ke-menterian ini yang timbul dari usaha² yang pesat bagi menjayakan polisi Pertanian Kerajaan Perikatan. Sa-benar-nya tidak-lah payah di-tegaskan lagi bahawa Malaysia banyak ber-gantong kepada pertanian. Lebih dari-pada 2/3 penduduk² Malaysia ada-lah bergantung kepada pertanian untuk kehidupan mereka. Dengan hal yang demikian dan menurut polisi pertanian Kerajaan Perikatan yang telah mashor di-ketahui, tugas² Kementerian ini telah berlipat ganda di-tujukan dengan penoh minat-nya ka-arrah pembangunan dan ka-arrah mengadakan bahan² per-tanian yang sa-banyak²-nya. Dan tugas² itu juga di-lipat ganda di-dalam lapangan untuk melaksanakan per-tanian yang berbagai² jenis. Dengan ikhtiar² bagi meluaskan landasan ekonomi negara kita akan di-jalankan dengan lebih tegas lagi.

Ahli² Yang Berhormat tentu maseh ingat lagi ia-itu menurut polisi Kera-jaan Perikatan hendak meninggikan taraf ekonomi luar bandar dan juga supaya petani² mendapat sa-tinggi² perolehan dari hasil tanaman mereka. Lembaga Pemasaran Pertanian Per-sekutuan telah di-bentok oleh Kera-jaan. Lembaga ini-lah yang ber-tanggung-jawab, dengan sa-berapa boleh-nya untuk menyelenggarakan, menjalankan serta mengelokkan pema-saran hasil² pengeluaran luar bandar Malaysia dan juga untuk memproses-kan hasil² itu. Penubohan Bank Bumi-putra ada-lah satu usaha lagi yang "positive" di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan untuk membantu petani² dan nelayan².

Sekarang biar-lah saya terangkan Anggaran Perbelanjaan bagi tiap² Bahagian di-bawah Kementerian ini: A. IBU PEJABAT (Kementerian), (i) Gaji.

Bagi melaksanakan tugas² yang telah bertambah daripada berpuncha dari tanggung-jawab yang sa-makin banyak di-dalam Chawangan Peranchangan dan Penyelidekan di-Ibu Pejabat, maka terpaksa-lah di-tambah satu jawatan lagi bagi ahli ekonomi pertanian dan di-adakan satu jawatan baharu bagi Penolong Perangkaan. Satu jawatan baharu untuk pemegang buku kira² di-pejabat Juru Kira Perbendaharaan di-pohonkan juga supaya dapat memperbaiki kekurangan yang telah lama di-rasa² oleh pejabat Juru Kira Perbendaharaan. Pejabat ini, dari semenjak ia-nya di-adakan, memang telah bertugas sa-bagai pejabat kira-mengira bersendirian atau self-accounting department yang mempunyai berbagai tanggung-jawab. Berkenaan dengan jawatan kerani, sa-banyak 6 jawatan Peringkat Biasa dan 1 jawatan Peringkat Khas dari kumpulan perkhidmatan Kerani 'Am ada-lah di-minta tambah.

Sa-balek-nya pula sa-banyak 5 jawatan kerani dari kumpulan Perkhidmatan Kerani Negeri, Peringkat Tinggi, telah di-potong dari jawatan yang ada.

Sa-banyak 2 jawatan Pegawai Penyelidek dalam bahagian Penempatan sa-mula Mata² Khas telah juga di-potong. Yang sa-benar bagi tahun 1966 hanya 3 jawatan yang di-tambah dan tambahan peruntukan hanya sa-banyak \$154,838. Peruntukan untuk jawatan Menteri Muda dan Pembantu Khas kepada Menteri Muda telah di-potong.

(ii) *Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas (O.C.A.R. dan O.C.S.E.):* Di-dalam tahun 1966, peruntukan OCAR hanya di-tambah sedikit sahaja ia-itu sa-banyak \$8,920. Manakala peruntukan OCSE berkurangan sa-banyak \$88,093. Kekurangan yang besar sa-banyak \$137,500 berlaku di-dalam peruntukan OCSE ada-lah berkaitan dengan pemberian perchuma dan pinjaman Penempatan Sa-mula kepada bekas Mata² Khas, kerana bilangan mereka yang belum minta bantuan atau pinjaman telah jadi sa-makin kurang dari samasa ka-samasa. B. BAHAGIAN PERTANIAN: Saperti di-dalam tahun 1965, di-antara semua bahagian² teknik

di-dalam Kementerian ini, peruntukan bagi Bahagian Pertanian-lah yang menunjukkan tambahan yang banyak sa-kali di-dalam tahun 1966. Sebab-nya ia-lah bahagian ini memikul tanggung-jawab yang besar sa-kali dalam menjalankan ranchangan membanyakkan jenis² pertanian. Kadar tambahan yang besar ada-lah terjadi di-dalam bidang Penyelidekan Agronomy Lanjutan dan Pelajaran Pertanian. Tambahan ini di-lakukan dengan mengambil perhatian atas keadaan kewangan negara dan juga sa-jajar dengan ketegasan Kerajaan akan peristahak-nya peranan pertanian di-dalam ekonomi negara. Anggaran biasa tahun 1966 itu menunjukkan tambahan pada keseluruhannya sa-banyak \$765,613 lebeh daripada Anggaran Perbelanjaan biasa tahun 1965. (i) Gaji sa-banyak 199 jawatan di-dalam semua peringkat telah bertambah dan chuma 5 jawatan yang di-potong. Di-antara yang bertambah itu ia-lah 3 jawatan Peringkat Tertinggi, 31 jawatan Bahagian I, 39 jawatan Bahagian II, 122 Jawatan Bahagian III dan 4 jawatan Bahagian IV. Tambahan jawatan² yang saperti itu ada-lah mustahak bagi membolehkan bahagian pertanian menjalankan, dengan lichen, ranchangan² yang bertambah yang telah di-susun untuk ranchangan pembangunan yang sedang berjalan serta ranchangan² yang telah di-susun untuk Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Oleh kerana Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu telah di-ranchang untuk meluaskan lagi bilangan jenis² pertanian yang menjadi asas kemajuan ekonomi petani kecil, ada-lah di-fikirkan mustahak bahawa pentadbiran peranchangan dan perjalanan Ranchangan² Malaysia Yang Pertama itu, hendak-lah di-tugaskan kepada sa-orang pegawai yang terlately dan juga berpengalaman tinggi. Dengan tujuan ini-lah maka jawatan baharu ia-itu Penolong Pengarah Pertanian (Kemajuan), Peringkat Tertinggi "F" di-kehendaki untuk mengambil tanggung-jawab dengan sa-penoh-nya.

Jabatan Pertanian memerlukan lagi 2 jawatan Peringkat Tertinggi "H" khas-nya bagi chawangan Agronomy dan chawangan Penyelidekan. Bagi

Chawangan Agronomy jawatan ini dikehendaki untuk memberi keutamaan kepada kerja² penyelidekan jenis² tanaman yang sedang dan yang boleh diusahakan oleh petani² kecil. Jenis² tanaman itu seperti jagong, dan sebagainya akan mengurangkan perbelanjaan Foreign Exchange sa-kiranya penghasilan dapat di-gandakan dalam Malaysia. Peringkat Tertinggi "H" yang satu lagi itu ada-lah dikehendaki bagi mengadakan pegawai yang berkemahiran untuk mentadbirkan hal² pencegahan kemasokan penyakit² dan musoh² tanaman ka-Malaysia. Dengan jalan ini sahaja-lah kawasan tanaman yang berjumlah berjuta² ekar itu, termasuk 3½ juta ekar getah dapat di-selamatkan dari musoh dan penyakit.

Ada-lah di-chadangkan sa-banyak 31 jawatan Bahagian I di-adakan bagi Jabatan Pertanian ia-itu 17 Pegawai Penyelidekan, 8 Pegawai Agronomy, 5 Pegawai Pelajaran dan 1 Pegawai di-Ibu Pejabat. Penambahan bilangan Bahagian I ini ada-lah mengikut dasar untuk membenakan satu gulungan pegawai² yang terlatah di-dalam Bahagian Penyelidekan, kerana Negara Malaysia sekarang mengalami kekurangan pakar² dari anak negeri oleh sebab policy penjajah dahulu. Sementara itu, pegawai² dapat-lah mengambil bahagian di-dalam bidang kemajuan pertanian dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Sa-ramai 6 orang Ahli Agronomi yang baharu, ada-lah di-kehendaki bagi menjalankan berbagai² kajian dalam bidang² perchubaaan baja² dagang kepada tanam²an di-atas tanah² yang tidak subur; menukarkan tanaman dan menanam lain² tanaman jangka pendek yang boleh di-tanam sa-lepas musim padi, memperelokkan mutu dan penghasilan buah²an serta sayor²an tempatan; perchubaaan tanaman pokok buah²an dan sayor²an yang di-bawa masuk dari negeri luar, dan pembajaan kelapa sawit dan kelapa pada berbagai² jenis tanah. Kajian tersebut ada-lah penting pada mendapatkan ma'alumat² untuk memperbaiki chara² penanaman dan pengeluaran hasil² pertanian di-negeri ini.

Untuk menambahkan bilangan pegawai² yang terlatah dan untuk meluas-

kan pelajaran kepada petani² bagi membolehkan perkembangan kemajuan pertanian dengan pesat-nya maka ranchangan pelajaran pertanian yang di-kendalikan oleh Bahagian Pertanian itu mustahak-lah juga di-perluaskan. Di-dalam ranchangan pelajaran yang ada sekarang ini, kemajuan telah dapat di-laksanakan pada bidang latehan bagi Pembantu² Muda Pertanian dan juga latehan bagi petani² seluroh-nya. Dengan siap-nya Sekolah Pertanian yang baharu di-dirikan di-Bumbong Lima, Seberang Perai itu, maka Bahagian Pertanian akan mengendalikan sa-banyak 4 buah Sekolah Pertanian di-dalam tahun 1966.

Maka dengan sebab ini-lah 5 orang lagi Pegawai² Pertanian (Pelajaran) dikehendaki untuk mengelolakan 4 buah Sekolah Pertanian yang ada itu. Pegawai² ini akan juga bertanggung-jawab bagi meranchangkan dan memperbaiki latehan² kepada petani² di-tiap² Pusat Latehan Pertanian.

Untuk membantu 31 orang pegawai baharu dalam Bahagian I itu, ada-lah sesuai dan mustahak di-tambah Bahagian II dan III. Ini ada-lah juga mustahak bagi melaraskan kerja² yang di-tugaskan kepada Jabatan Pertanian. (ii) *Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun (O.C.A.R.):* Wang sa-jumlah \$2,168,000 ada-lah di-minta untuk perbelanjaan OCAR bagi tahun 1966. Peruntukan ini melebihi daripada peruntukan bagi tahun 1965 sa-banyak \$154,244. Tambahan yang banyak berlaku di-dalam perbelanjaan ini adalah berhubung dengan pentadbiran, penyenggaraan kereta², pelajaran pertanian serta penanaman dan pemulehan sa-mula kelapa.

Di-dalam bidang pentadbiran, tambahan itu di-kehendaki kerana perbelanjaan lampu, ayer dan kuasa letrik dan sa-bagai-nya. Tambahan sa-banyak \$20,000 dalam penyenggaraan kereta² untuk Bahagian Pertanian. Beberapa banyak lagi kenderaan² akan perlu dan akan di-beli berhubung dengan Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Tambahan wang sa-banyak \$1,000 akan di-belanjakan terutama sa-kali kerana mengawal tikus dan "penyakit

merah" di-dalam bidang mengawal musoh² dan penyakit² pokok. Kerja mengawal tikus yang di-jalankan di-Tanjong Karang ada-lah sambongan kepada kerja² penyiasatan yang di-lakukan oleh Pakar Tikus Rancangan Colombo dari negeri Jepun, manakala kerja mengawal penyakit merah pula ada-lah sambongan kerja² yang di-jalankan di-Jajahan Krian oleh sa-orang pakar yang di-datangkan oleh Yayasan Penyelidikan Padi Antara-Bangsa.

Wang tambahan sa-jumlah \$158,809 ada-lah di-kehendaki untuk bidang Pelajaran Pertanian, Tambahan ini di-kehendaki untuk menyelenggarakan sa-buah sekolah pertanian yang baharu di-Bumbong Lima dan juga untuk perbelanjaan yang tidak dapat di-elakkan bagi sekolah² pertanian yang telah sedia. Perbelanjaan O.C.A.R. bagi Chawangan Penyelidikan dan Agromoni hampir² sama saperti tahun 1965.

Tambahan yang berjumlah sa-banyak \$17,000 lebeh daripada peruntukan tahun 1965 itu ada-lah di-kehendaki bagi Rancangan Pemulahan dan Penanaman Sa-mula Kelapa kerana bertambah-nya lagi dua Rancangan baharu, ia-itu satu di-Perak dan satu di-Kelantan, dan juga oleh kerana pengluasan kawasan² yang telah di-kerjakan di-Johor.

(iii) *Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.):* Wang sa-jumlah \$115,360 sahaja akan di-kehendaki bagi perbelanjaan O.C.S.E. dalam tahun 1966. Perbelanjaan ini ada-lah berkurangan sa-banyak \$84,887 dari peruntukan yang telah di-luluskan dalam tahun 1965. Di-antara peruntukan tahun 1966, sa-jumlah \$27,970 di-kehendaki untuk Chawangan Penyelidikan dan sa-jumlah \$85,400 untuk Chawangan Agromoni.

Sa-banyak 6 buah dapor letrik yang berlainan jenis di-kehendaki untuk Chawangan Penyelidikan bagi kegunaan bilek² ma'amal Kimia, Sains Tanah dan Penyelidikan Musoh tanam²an, kerana dapor² ini ada-lah di-gunakan bagi tujuan² yang berlainan. Ada-lah di-chadangkan bagi membeli sa-buah "spectro-photometer" dan sa-buah "flame Photometer" bagi kegu-

naan mengkaji chontoh² tebu. Dua buah jentera pendingin juga di-kehendaki, ia-itu sa-buah untuk Chawangan Kaji Serangga bagi mendapatkan hasil yang baik dalam bidang pembiakan serangga dan sa-buah lagi untuk ma'amal kajian Teknik Makanan yang akan di-gunakan bagi menyimpan chontoh² makanan yang telah di-proseskan. Dua buah alat penyejok di-kehendaki juga bagi menyimpan debu "prisifera" jenis kelapa sawit dan benih kachokan yang sangat² mustahak dalam rancangan pembiakan kelapa sawit, khas-nya bagi kegunaan rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan.

Peruntukan tambahan ada-lah mustahak bagi Chawangan Agromoni bagi menggantikan kereta² dan tractor² dan alatan², kerana kebanyakan jentera² itu telah berumur lebeh daripada 10 tahun dan membaiki-nya serta menjaga-nya pula ada-lah di-anggarkan boleh merugikan.

Kerja² sa-makin bertambah dan di-dalam bidang pembiakan benih² buah²an dan lain² benih bagi memenohi kehendak berbagai² rancangan di-dalam Rancangan Pembangunan yang sedang berjalan sekarang. Oleh sebab kemudahan² yang ada di-Pusat Perchubaan di-Serdang pada masa ini tidak menchukupi, suatu peruntukan sa-banyak \$3,000 ada-lah di-kehendaki bagi membena sa-buah pondok yang baharu untuk menjadi tempat pembiakan benih tanam²an di-pusat tersebut.

C. BAHAGIAN PARIT DAN TALII AYER—Bahagian tersebut berkehendakkan peruntukan sa-banyak \$2,748,081 bagi tahun 1966 yang hanya melebihi sa-banyak \$11,214 daripada tahun 1965.

(i) *Gaji:* Di-bawah Kepala ini, peruntukan tambahan sa-banyak \$77,499 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1966, walau pun terdapat 3 jawatan Jurutera Siswazah Tambahsentara dan 2 jawatan Kerani (Tingkatan Tinggi) telah di-potong. Akan tetapi sa-banyak 2 jawatan sementara Jurutera Parit dan Tali Ayer ada-lah di-kehendaki bagi menjalankan tanggung-jawab dalam rancangan² kemajuan di-kawasan luar bandar.

(ii) *Perbelanjaan Lain² Berulang² Tiap² Tahun (O.C.A.R.)*: Peruntukan sa-jumlah \$1,326,270 ada-lah dikehendaki bagi tahun 1966 untuk perbelanjaan berulang² dan jumlah itu menunjukkan sa-banyak \$68,385 telah berkurangan dari peruntukan bagi tahun 1965. Beberapa potongan telah di-buat di-dalam berbagai² pechahan-kepala. Walau bagaimana pun, di-bawah Pechahan-kepala 49 "Penyenggaraan Workshop dan Barang²" tambahan daripada \$45,000 kepada \$115,800 ada-lah dikehendaki untuk chuti sakit dan chuti biasa bagi pekerja² I.M.G. dan lain² lagi.

(iii) *Perbelanjaan Khas*: Hanya sa-banyak tiga buah alat sahaja yang akan di-beli dalam tahun 1966 ia-itu alatan Pejabat, Time-clock bagi workshop dan Jentera Pemetong Rumput dan jumlah harga sa-banyak \$4,020.

D. BAHAGIAN PERKHIDMATAN HAIWAN—Wang sa-jumlah \$2,103,110 telah di-chadangkan untuk perbelanjaan Persekutuan bagi Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam tahun 1966. Jumlah itu ada-lah berkurangan sa-banyak \$28,795 daripada peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1965. Kekurangan peruntukan itu berlaku di-dalam Perbelanjaan² Berulang² dan Perbelanjaan Khas. Akan tetapi chadangan perbelanjaan bagi gaji telah bertambah sa-banyak \$45,318 daripada peruntukan tahun 1965.

(i) *Gaji*: Di-dalam usaha mengawal penyakit anjing gila yang telah berlaku di-dalam tahun 1963 dan usaha mengurangkan lagi penyakit yang membawa kematian lembu serta memperbaiki lagi pengeluaran ternakan dan telur, Bahagian Perkhidmatan Haiwan hanya berkehendakkan tambahan bilangan kakitangan teknik dalam tahun 1966. Chadangan tambahan itu ada-lah termasuk satu jawatan Pegawai Kanan Haiwan Perengkat Tertinggi yang bertanggung jawab di-dalam bidang kemajuan. 4 jawatan Pegawai Haiwan, 4 Pegawai Penyelidikan, 6 jawatan Pembantu Haiwan, 11 jawatan Teknik Muda serta satu jawatan jurutaip.

(ii) *Perbelanjaan Lain² Berulang², Tiap² Tahun (O.C.A.R.)*: Di-dalam

tahun 1965 sa-banyak \$1,182,541 telah di-untukkan bagi Perbelanjaan Berulang², akan tetapi di-dalam tahun ini 1966 sa-jumlah \$1,133,456 sahaja boleh menchukupi, oleh kerana kerja² yang memuaskan telah di-jalankan oleh Bahagian ini sa-lama 2 tahun yang lepas bagi menchegeh penyakit haiwan daripada merebak dan memperbaiki kesihatan haiwan dan ayam itek. Puncta² yang besar menyebabkan kekurangan itu berlaku di-dalam bidang peruntukan Kawalan Penyakit (\$52,550), Pemuliharaan dan Penyiasatan Ternakan (\$3,000). Tambahan yang kecil untuk perbelanjaan latehan sa-banyak \$4,000 sangat-lah di-perlukan bagi melaksanakan ini di-dalam bidang memperbaiki pengeluaran dan mengurangkan angka² kematian haiwan.

(iii) *Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.)*: Di-dalam tahun 1966 ini akan berkurangan daripada tahun 1965 disebabkan oleh kereta², alat² dan perkakas pejabat telah pun chukup di-beli dan chuma perbelanjaan bagi menggantikan barang² yang mustahak di-ganti sahaja yang dikehendaki.

E. BAHAGIAN KEMAJUAN KERJA-SAMA—Perbelanjaan Biasa Persekutuan bagi bahagian ini di-dalam tahun 1966 ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$4,304,513. Angka ini menunjukkan lebeh sa-banyak \$139,052 daripada perbelanjaan tahun 1965 dengan tidak mengira perbelanjaan bagi menjalankan tugas di-Singapura di-dalam tahun 1965.

(i) *Gaji: Pergerakan Kerjasama* memainkan peranan yang penting, khas-nya di-dalam kawasan² luar bandar di-dalam sa-buah negeri pertanian seperti Malaysia yang kemajuannya bergantung kepada keadaan ekonomi pertanian yang baik. Oleh itu pergerakan tersebut berkehendakkan supaya di-tegakkan dengan chara penyusunan sa-mula di-dalam Tanah Melayu dan meluaskan lagi peranannya di-dalam negeri² Sabah dan Sarawak untuk menchapai hasil yang lebeh berkesan. Dari sebab itu, tambahan² kakitangan, khas-nya untuk negeri Sabah dan Sarawak, ada-lah dikehendaki. Akan tetapi oleh sebab memandang pada mustahak-nya menjimatkan perbelanjaan yang melibatkan

wang ra'ayat, maka bahagian ini hanya meminta tambahan untuk negeri Sabah sa-banyak satu jawatan Penolong Pesuruhjaya, tiga jawatan Pegawai Kerjasama, tiga jawatan kerani dan sa-orang pengantar surat, manakala untuk negeri Sarawak pula hanya dua jawatan Pegawai Kerjasama di-kehendaki. Sabalek-nya tiga jawatan Penolong Pegawai Kerjasama di-Sabah telah di-susutkan.

(ii) *Perbelanjaan Lain² Berulang² Tiap² Tahun (O.C.A.R.):* Anggaran Perbelanjaan O.C.A.R. bagi negeri² di-dalam Malaysia ada-lah berkurangan sa-banyak \$51,634. Walau bagaimana pun perbelanjaan yang sa-benar-nya berkurangan bagi Tanah Melayu sahaja ia-lah \$55,057. Tambahan peruntokan sa-banyak \$14,435 untuk Sarawak dan \$30,000 untuk Sabah ada-lah di-kehendaki di-dalam peruntokan itu. Sa-bahagian besar-nya akan di-gunakan bagi membayar sewa pejabat. Pada masa yang lepas Kerajaan negeri telah membenarkan Pejabat Kerjasama menduduki bangunan Kerajaan dengan per-chuma, tetapi sekarang sewa mesti di-bayar kepada Kerajaan Negeri dan kepada bangunan persaorangan yang di-duduki-nya.

(iii) *Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.):* Perbelanjaan O.C.S.E. bagi tahun ini, pada keseluruhan-nya, menunjukkan bertambah sa-banyak \$3,724. Oleh sebab Maktab Kerjasama akan di-luaskan peranan-nya supaya dapat memperhebatkan lagi latehan di-dalam masa bekerja bagi Pegawai Kerjasama dan Merinyu Kerjasama dan supaya dapat mengelolakan kursus latehan yang lebeh banyak untuk ahli² Sharikat Kerjasama. satu tambahan sa-banyak \$15,589 telah pun di-luluskan bagi membayar gaji² kaki² tangan dan juga untuk bayaran kerana penyelenggaraan Pentadbiran yang sa-makin bertambah.

Peruntokan sa-banyak \$10,000 kerana bayaran odit ada-lah bertujuan melaksanakan ranchangan bagi membantu sharikat² yang miskin dan kecil bagi membayar perkhidmatan juru odit luar. Semenjak tahun 1962 lagi, kira² sharikat saperti itu, di-pereksa oleh juru odit luar dan apabila kira² telah selesai di-odit, wang ada-lah di-kehendaki bagi

membayar perkhidmatan juru odit luar itu.

F. BAHAGIAN PERIKANAN: Peruntokan sa-banyak \$1,735,649 ada-lah di-minta oleh bahagian Perikanan untuk tahun 1966, peruntokan itu telah berkurangan sa-banyak \$210,689 daripada jumlah peruntokan tahun 1965, punca yang menyebabkan berkurangan itu di-sebabkan oleh perbelanjaan untuk Singapura yang tidak di-masokkan.

(i) *Gaji:* Peruntokan bagi Tanah Melayu di-minta sa-banyak \$1,079,890 sahaja dan angka itu melebihi sa-banyak \$55,552 daripada peruntokan bagi tahun 1965. Hanya tambahan satu jawatan Pegawai Perikanan dan satu jawatan Greaser dan tukang api sahaja yang di-kehendaki sementara itu satu jawatan Pegawai Pentadbir Perikanan dan satu jawatan Deckhand telah pun di-potong.

Peruntokan yang di-minta untuk negeri Sarawak pula menunjukkan bertambah sa-banyak \$29,659 daripada peruntokan tahun 1965. Sa-banyak tiga tambahan Pegawai Pembantu Perikanan dan satu jawatan Jurumudi, serta satu jawatan Jurutaip di-kehendaki supaya dapat perusahaan penangkapan ikan boleh di-jalankan meliputi kawasan perayeran di-sapanjang² pantai Sarawak dan kerja² Pentadbiran dan kerja² pembangunan Jabatan Perikanan Sarawak yang baharu dapat di-majukan.

(ii) *Perbelanjaan Lain² Berulang² Tiap² Tahun (O.C.A.R.):* Peruntokan sa-jumlah \$496,890 bagi perbelanjaan lain² berulang tiap² tahun untuk Tanah Melayu sahaja ada-lah di-minta dan angka itu menunjukkan berkurangan sa-banyak \$35,058 daripada peruntokan bagi tahun 1965.

Sementara itu wang sa-jumlah \$47,110 yang menunjukkan berkurangan sa-banyak \$100,000 daripada peruntokan tahun 1965 bagi negeri Sarawak ada-lah juga di-minta.

(iii) *Perbelanjaan (O.C.S.E.):* Perbelanjaan O.C.S.E. bagi Tanah Melayu dalam tahun 1966 di-minta hanya sa-banyak \$30,130 dan angka itu menunjukkan berkurangan sa-banyak \$4,820 daripada peruntokan tahun 1965.

Sa-bahagian yang besar daripada peruntukan itu akan di-gunakan untuk membeli alatan dan perkakas pejabat serta alatan² untuk ma'amal dan pukut².

Peruntukan untuk Sarawak hanya di-minta sa-banyak \$10 sahaja sa-bagai *Token Vote* untuk membeli alatan² dan perkakas² pejabat.

Tuan Pengerusi, dengan yang demikian, saya pohonkan supaya perbelanjaan di-bawah Kepala S. 13—Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, yang berjumlah sa-banyak \$18,424,044 itu di-luluskan dan di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Dr. Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian berchakap tentang anggaran yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Sa-belum saya berchakap tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, bahawa saya hendak berkata pada hari Sabtu tengah hari, Dewan ini telah menjadi gelanggang pantun. Apabila saya sa-malam membacha pantun² tersebut di-*Berita Minggu*, saya pun tertawa dan terbahak².

Tuan Pengerusi, jikalau wakil dari Bachok hendak mengajak saya berpantun, maka saya pun boleh buat demikian juga, tetapi sa-belum itu, Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya minta, saya sendiri berpantun. Pantun saya berbunyi bagini :

Sa-orang wakil yang mashhor dari Bachok,
Nampak-nya beliau paling pandai berpantun,

Di-Dewan ini selalu dia di-chuchok,
Pengetahuan-nya dalam dan pandai berlakun.

Tuan Pengerusi, barangkali, sa-lepas saya di-ajak oleh wakil dari Bachok, maka saya boleh membawa pantun yang sesuai, yang lebeh sesuai dan tepat.

Mr Chairman, Sir, we are an agricultural country. Our economy must of necessity depend a great deal

Mr Chairman: Are you going to give some bearing on the *pantun* which you have just quoted?

Dr Tan Chee Khoon: No, Sir, I am going to speak on the Estimates. (*Laughter*). That little effort of mine is already too much for me, Mr Chairman. Perhaps, if I get a few more lessons from the Member for Bachok, I may be able to make a little more effort in this direction.

Mr Chairman, Sir, we are essentially an agricultural country, and our economy must of necessity, for many years to come, depend on agriculture. As such, Mr Chairman, Sir, I am a little surprised that percentage-wise the allocation for Agriculture, if I am not mistaken, is only about \$18 million-plus out of a total of \$1,600-over million. It looks to me like Health Agriculture does seem to take a back seat. Now, this is a very dangerous attitude of mind since, I repeat again, we must of necessity depend on agriculture for many years to come. Now, Mr Chairman, Sir, I think for this state of affairs, the Ministry of Agriculture must partly bear the blame because unless, I suppose, they put up a case before their hard-hearted, or stone-hearted Minister of Finance, it is not likely that they will get more than this \$18 million-plus.

Now, Mr Chairman, Sir, it is well-known that in the Second Five-Year Plan everything on paper looked very nice and very encouraging. You have lots of graphs showing that you are going to do this, you are going to do that, you are going to achieve this, and you are going to achieve that. But, Mr Chairman, Sir, when you translate all these graphs, and you translate all these figures to ground level, then, I am told that the Ministry of Agriculture suddenly found out that although there is an allocation—take coconut rehabilitation for example, \$17 million was allocated for it—when it comes to implementing it at the ground level, they found that they have not the bodies to implement it. As such, Mr Chairman, Sir, I fail to understand why in the Estimates before us, the Minister of Agriculture, although he has asked for extra bodies, to my mind, he does not ask for enough extra bodies; and he has not, at least

when I listened to him unfolded to us the steps that he is going to take to get the extra bodies to implement the First Malaysian Five-Year Plan. Let us, take a very simple example. In the estimates for the Ministry of Agriculture, at the bottom you have the agricultural assistants or agricultural workers, who graduate from agricultural schools, a little higher up you have the graduate with diploma from the College of Agriculture at Serdang, and at the apex of it are the agricultural officers—whether they come from the Faculty of Agriculture or they come from abroad, it does not matter. Now, Mr Chairman, Sir, you need thousands of these people, agricultural assistants, at ground level, and I have yet to hear from the Minister of Agriculture telling us where and how he is going to get these bodies that are necessary.

Now, let us take the little higher-ups, the people with diplomas. We are told the other day by the Assistant Minister of Education that we need a few more thousands to expand the facilities at Serdang. Mr Chairman, Sir, to my mind, that certainly is not enough and, incidentally, Mr Chairman, Sir, when I asked him why the cost at Serdang should be higher than that of the cost for students in the Faculty of Agriculture, he could not answer me. Perhaps, the Minister of Agriculture could give me a more suitable answer. Now, what we need is not just the expansion of the facilities at Serdang, but we need perhaps three or more "Serdangs"—certainly one in the Borneo territories and, perhaps, one in the more agricultural areas way up north in Kelantan—so that you can have extra bodies to man these various services that the Minister has in mind.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentoh dalam S. 13 ini ia-itu muka surat 98 berthabit dengan Sekolah Perikanan. Memang saya juga ber-setuju akan besar faedah-nya Sekolah Perikanan ini, tetapi apa yang mendukachitakan saya, Tuan Pengerusi, ia-itu pehak Kerajaan tidak memberi bimbingan dan pimpinan yang sa-

wajar-nya kapada penuntut² lepasan Sekolah Perikanan ini. Saya dapat memberi mithal, Tuan Pengerusi, umpama-nya ada penuntut² yang telah belajar di-Sekolah Perikanan ini manakala tamat di-Sekolah ini mereka balek ka-kampung² dan terpaksa bekerja lain. Mereka pergi belajar masaalah perikanan, tetapi bila balek ka-kampung mereka bekerja sa-bagai tukang gunting, mereka bekerja sa-bagai derebar lori. Ini ada-lah sebab tidak ada-nya pimpinan atau bimbingan yang di-beri oleh Kerajaan sa-lepas mereka keluar daripada Sekolah Perikanan ini. Dan ada juga sa-tengah² chalun atau penuntut² yang di-ambil untuk belajar di-Sekolah Perikanan ini mereka yang tidak ada kemahuan langsung dalam soal perikanan. Umpama-nya, mereka yang tidak mengambil bahagian dalam masaalah perikanan ini, jadi bagaimana-lah, Tuan Pengerusi, mereka ini akan dapat menggunakan ilmu mereka kalau mereka sendiri tidak mempunyai kemahuan dalam masaalah perikanan ini. Satu lagi dalam masaalah perikanan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah masaalah pemasaran bagaimana yang pernah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah berchakap sa-belum daripada saya tadi. Masaalah pemasaran ada-lah satu masaalah yang paling penting sa-kali. Walau macham mana ikhtiar sa-kali pun kita lakukan untuk membaiki kehidupan nelayan² kita ini, tetapi kalau hasil tangkapan mereka ini ya'ani ikan² yang di-tangkap oleh mereka itu tidak mendapat pasaran yang baik, Kerajaan tidak mengator chara pemasaran yang baik, maka sudah tentu-lah mereka ini tidak akan mendapat hasil yang baik. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, ikan tenggiri yang kita selalu dengar dalam radio, harga ikan tenggiri di-Pasar Besar, Kuala Lumpur, atau di-Ipoh, di-Pulau Pinang, meningkat sampai harga \$1.60-\$1.80 sa-kati, sedangkan harga ikan tenggiri di-tempat saya, Tumpat, khas-nya dan di-Kelantan 'am-nya di-musim ini, Tuan Pengerusi, dapat di-beli dengan harga 50 sen sahaja sa-kati dan kadang² sampai 45 sen sa-kati. Dan barangkali sa-pintas lalu hampir tidak di-terima oleh akal bagaimana ikan tenggiri dapat di-beli

dengan harga 50 sen, dan ini ada-lah kejadian yang sa-benar, terutama sa-kali di-musim ini—di-musim ini tempat saya ikan tenggiri boleh di-beli beratus pikul sa-tiap hari dengan harga tidak lebeh \$50.00 sa-pikul, paling tinggi \$60.00 sahaja sa-pikul, Tuan Pengerusi. Jadi, tentu-lah sa-buah motobot yang pergi menangkap ikan sa-tiap hari dapat menghasilkan 20 kati ikan, umpama-nya, mereka baharu mendapat hanya \$10.00 sa-hari di-tolak harga minyak dan di-tolak atau di-chabut bahagian tuan motor-nya itu, maka hasil nelayan yang menggunakan motobot itu yang sa-lalu-nya 5-6 orang pada sa-buah motor itu, hanya-lah mendapat 60 sen atau 50 sen sahaja bagi tiap² orang. Sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, kalau kita pandang manusia yang paling menderita sa-kali hidup-nya dalam negara yang ma'amor ini ia-lah nelayan, Tuan Pengerusi. Walau pun kalau kita lihat pehak Kementerian ini telah menguntokkan peruntokan yang banyak kepada petani dengan ranchangan taliayer beratus dan berjuta² ringgit dengan ranchangan bantuan baja padi, bantuan beneh padi bagi petani dan juga bantuan menanam sa-mula kepada pekebun² getah dan pembukaan² tanah baharu saperti F.L.D.A. dan sa-bagai-nya kepada pekebun getah, tetapi tidak ada satu ranchangan besar yang di-lakukan oleh Kementerian ini untuk menolong nelayan² yang mana nelayan juga merupakan satu gulungan besar daripada penduduk negeri ini yang saya katakan paling menderita sa-kali taraf hidup mereka. Kalau kita mengembara di-tepi² pantai, saya perchaya sama sahaja pantai barat atau pantai timor kita dapat melihat rumah² pondok, gobok² burok, yang paling burok sa-kali dalam tanah ayer kita ini. Ini-lah tempat tinggal kaum² nelayan yang paling menderita hidup-nya itu.

Tuan Pengerusi, yang akhir-nya saya ingin menyentoh dalam S. 13 ini, ia-itu muka surat 83 masaalah pelajaran pertanian

Mr Chairman: Muka berapa?

Wan Hassan bin Wan Daud: Muka 83, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Kepala, muka?

Wan Hassan bin Wan Daud: Muka 83 (b)—Pelajaran Pertanian, Tuan Pengerusi, College Pertanian, Maktab Pertanian dan sa-bagai-nya

Mr Chairman: Jadi, angka mana yang ta' puas hati, banyak sangat, kurang sangat-kah, ta' usah-lah berchakap, itu sahaja, bagitu!

Wan Hassan bin Wan Daud: Ini sahaja, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas masaalah College Pertanian, ia-itu Maktab Pertanian ini

Mr Chairman: Ta' boleh di-sini. Kita sekarang dalam Committee. Saya biar-kan tadi berchakap dahulu, tadi saya menunggu berapa banyak wang-nya, kurang-kah, lebeh-kah, tetapi ta' kurang. Jadi, saya minta berapa banyak wang yang lebeh-kah, atau kurang-kah.

Wan Hassan bin Wan Daud: Ini sahaja masaalah yang saya hendak berchakap dari segi masaalah Maktab Pertanian. Dalam kepala

Mr Chairman: Tidak, tidak—ta' boleh di-sini—ini dalam Committee ini, tepatkan kepada perkara², wang-nya lebeh-kah, atau kurang²-kah, bagitu-lah!

Wan Hassan bin Wan Daud: Minta di-lebehkan duit ini. Jadi, masaalah Pengetua Maktab Pertanian ini yang dahulu-nya ada token vote sa-banyak \$10 tetapi sekarang ini sudah di-potong langsung, di-tiadakan langsung ini.

Mr Chairman: Jadi, saya suka jugalah hendak mengingatkan, meminta lebeh itu ta' boleh dalam Committee di-sini, minta kurang sahaja yang di-benarkan.

Wan Hassan bin Wan Daud: Saya hendak berchakap sedikit lagi sahaja, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Boleh-lah.

Wan Hassan bin Wan Daud: Masaalah Pelajaran Pertanian ini, Tuan Pengerusi, di-sini ada di-sebutkan masaalah College Pertanian dan sa-bagai-nya. Apa yang saya hendak berchakap ia-lah saya mendapat tahu

tentang kurang-nya anak² Melayu dalam College Pertanian di-Serdang ini dan saya harap pehak Kementerian ini dapat menyiasat, sebab² kekurangan penuntut² Melayu di-sini, pada hal sa-bahagian besar daripada petani² negeri kita ini ada-lah terdiri daripada orang² Melayu, maka sudah sa-patutnya-lah penuntut² di-College Pertanian dan Sekolah² Pertanian ini terdiri daripada orang² Melayu. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Enche' Snawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap berkenaan dengan Parit dan Taliayer, ia-itu muka 87, Butiran (190). Terlebeh dahulu, Tuan Pengerusi, dan juga ra'ayat² di-kawasan saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada pehak Kementerian ini kerana ra'ayat di-kawasan saya telah menerima berbagai² ranchangan berkenaan dengan taliayer ini, terutama sa-kali bagi orang² yang ada memiliki kebun² kelapa. Saya perchaya, kawasan sayalah yang sa-habis² besar sa-kali, ia-itu Ranchangan Taliayer ini berjuta² ringgit di-bandingkan di-dalam kawasan² di-Seberang Prai, tetapi saya sukachita juga menyentoh berkenaan dengan tanah sawah, ia-itu berhampiran dengan sa-banyak 4,000 ekar bagi kawasan saya Seberang Selatan yang berhampiran dengan Perak.

Tanaman padi, Tuan Pengerusi, chuma-nya di-dapati dapat di-dalam sa-tahun chuma satu musim sahaja. Jadi, saya ingin-lah merayu terutama sa-kali kepada Menteri yang berkenaan, tolong-lah pula baiki parit² dan taliayer bagi kawasan Seberang Prai—Selatan itu, muga² penduduk² yang terdiri daripada penanaman padi bagi kawasan itu yang sa-luas-nya 4,000 ekar dapat menikmati juga di-tempat yang lain² yang tanam pada sa-tahun dua kali. Jadi, dengan ini-lah, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada pehak Kementerian yang berkenaan. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, Head S. 13, muka 83 dan 84 berkenaan dengan Chawangan Penyelidek—Research Branch yang mana nampak di-dalam Anggaran Belanjawan ini,

kita telah tambahkan wang sa-banyak \$200,000 lebeh untok Bahagian Penyelidek ini. Di-dalam penerangan yang telah di-keluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah pun di-sebutkan ia-itu Bahagian Penyelidek ini akan menchari jalan supaya tanah² gambut yang ada, dapat di-gunakan untok bertanam chuchok, tetapi di-dalam penerangan tadi juga tidak di-sebutkan berkenaan dengan tanah² tinggi, atau pun tanah² bukit dan gunung². Saperti mana semua orang yang biasa dudok di-Kedah, atau pergi Kedah tahu—Kedah ta' ada lagi tanah rendah untok menanam chuchok. Semua-nya, mana yang ada, telah pun di-tanam dan saya perchaya Kerajaan maseh berusaha supaya dapat di-tanam dua kali sa-tahun, tetapi walau pun kita dapat jalankan bagitu, kalau-lah badan Chawangan Penyelidek ini ta' mengambil berat berkenaan dengan menanam di-atas bukit², maka ta' lama lagi orang² Kedah yang ingin bertanam chuchok ta' akan dapat tanah sama sa-kali untok bertanam chuchok. Saya perchaya kalau dapat di-selideki berkenaan dengan pokok² dan tumbuhan² yang boleh di-tanam di-atas tempat² tinggi—ini akan membawa hasil yang lebeh tinggi lagi kepada petani² di-negara kita.

Berkenaan dengan chawangan ini juga dalam Bahagian Entomology yang telah di-buat peruntokan lebeh lagi, sa-banyak \$11,000 untok Entomology, sungguh pun perkara yang saya akan keluarkan ini bersangkutan dengan Entomology, tetapi oleh kerana ta' ada Kementerian yang lain yang bersangkutan dengan ini, saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri ia-itu di-Kedah, di-mana banyak sawah² padi, terlampau banyak kumbang di-sana yang mana selalu-lah mengelilingi lampu² di-pekan². Ini sangat-lah membahayakan orang² yang berjalan di-jalan² dan sungguh pun Entomologist di-sini bekerja untok Pejabat Kementerian Pertanian sahaja, saya berharap-lah supaya Entomologist ini juga dapat berusaha supaya dapat kita bunoh kumbang² itu saperti mana saya bacha dalam newspaper ia-itu di-Amerika sana dengan chara irradiation telah pun

di-matikan kuasa mengadakan propagation of species di-antara kumbang. Kalau-lah dapat Entomologist dalam Kementerian ini bekerja berkenaan dengan itu, ini akan menjadikan satu benda yang baik untuk Malaysia ini dan akan kurang bahaya orang² yang berjalan di-jalan² raya tentang mana ada banyak lampu.

Pada muka 87, ia-itu berkenaan dengan Parit dan Taliayer, tambahan belanja di-sini sangat-lah sedikit. Jadi, saya perchaya ta' ada di-dalam rancangan yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ta' ada-lah satu rancangan untuk Artesian Well. Saya biasa tengok dalam gambar—dalam Talivishen Malaysia, ia-itu artesian well ini ia-lah satu chara yang boleh dapat ayer untuk tempat² yang kurang ayer. Sunggoh pun kita ada Muda River Scheme dan sa-bagai-nya, saya perchaya kalau-lah Kementerian Pertanian ini dapat menyelidek untuk mengadakan lebeh banyak lagi atau pun mengadakan Artesian Well, maka ini akan membawa faedah yang besar untuk pertanian di-dalam negara kita. Terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit dalam bahagian ini, ia-itu S. 13 muka 79, berkenaan Jawatan Menteri Muda Pertanian yang telah kosong. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Jawatan Menteri Muda Pertanian ini sangat-lah mustahak di-dalam Kementerian ini, kerana Kementerian Pertanian ini ada-lah satu Kementerian yang mana akan dapat menentukan dan meninggikan taraf hidup petani² di-seluruh Malaysia ini. Dalam Malaysia ini, mengikut penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa 2/3 daripada ra'ayat Malaysia ini bergantung kepada pertanian. Tujuan saya mengemukakan perkara ini bukanlah berma'ana merendahkan kebolehan Yang Berhormat Menteri Partanian, tetapi sa-benar-nya untuk memberi pertolongan bagi meringankan sedikit beban yang telah di-bebankan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ini sa-lama ini, kerana pada masa tahun yang sudah ada di-sediakan Menteri Muda Pertanian untuk membantu kerja²

Kementerian ini. Dan pada tahun ini nampak-nya sudah di-kosongkan. Jadi, oleh kerana itu, saya harap-lah kiranya kalau dapat, pehak Kerajaan akan dapat menimbangkan sa-mula berhubung dengan memberi Penolong kepada Menteri Pertanian bagi menolong kerja² Yang Berhormat Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya masok kepada muka 83, ia-itu berkenaan dengan Chawangan Penyelidek ya'ani Butiran (118)—Ahli Sains Tanah. Tuan Pengerusi, di-sini, saya nampak ada sedikit lebeh peruntukan di-dalam bahagian ini daripada tahun yang sudah. Saya harap kiranya pehak Bahagian Penyelidek Tanah ini akan dapat membuat satu selidekan di-dalam kawasan saya, ia-itu di-Sabak Bernam sana—di-satu tempat dalam mukim Panchang Pedana, ada sa-bidang tanah yang merupakan tanah gambut. Dan mengikut pendapat daripada Pegawai² Pertanian Negeri, tanah itu tidak boleh di-usahakan dan tidak boleh di-majukan, kerana tidak sesuai mengikut pendapat daripada Pegawai² Pertanian. Tetapi, apa yang sa-benar-nya, dan yang telah terjadi—orang² kampong dan orang² ramai yang tidak mempunyai tanah telah berusaha di-dalam tanah itu sa-lama 10 tahun yang lalu. Dan di-dapati tanah itu sagat sesuai di-tanam dengan pokok² kelapa yang mana sa-hingga ini, hasil daripada buah² kelapa di-dalam tanah yang di-katakan tidak sesuai itu telah boleh menyebabkan mereka² itu dapat pergi ka-Mekah daripada hasil tanah selidekan yang di-katakan tidak sesuai itu. Jadi oleh kerana itu, barangkali boleh jadi pada masa penyelidekan di-jalankan dahulu, agak saya tidak mengandongi daripada Ahli Sains Tanah ini. Dan saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri akan dapat menyiasat sa-mula, kerana tanah² ini ada-lah sangat luas—lebeh kurang dalam 3,900 ekar.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-sini saya suka menarek perhatian sa-bagaimana wakil daripada Kota Star Selatan tadi, saya nampak berhubung dengan Ahli Penyelidek Tanah ini kalau dapat membuat penyelidekan pada tanah² yang tinggi untuk di-majukan bagi menanam lada—lada

hitam. Saya telah melawat di-Sarawak dan di-Sabah—di-sana, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Itu ta' ada dalam anggaran ini. Ada atau tidak?

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tidak ada.

Mr Chairman: Kalau tidak ada, saya terpaksa meneger. Yang mana yang ada sini—perbelanjaan itu lebeh sangat-kah, atau pun hendak dikurangkan, hendak lebehkan pun ta' boleh.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Ya, baik-lah, Tuan Pengerusi. Ini unok selidekan, Tuan Pengerusi, sadikit sahaja, supaya hendak memajukan tanah² yang tinggi unok ditanam lada hitam. Kerana hasil-nya itu lebeh baik dan mendatangkan hasil yang baik daripada tanaman² lain.

Tuan Pengerusi, saya berpindah pula kapada perchubaan menanam kelapa, ia-itu di-dalam muka 83. Di-sini, Tuan Pengerusi, soal menanam kelapa ini, saya perchaya telah di-jalankan oleh Kementerian ini dan telah mendapat kejayaan. Dan juga pada tahun ini, saya menerima kaseh kapada Kementerian ini, kerana memberi satu peruntokan yang lebeh daripada tahun yang sudah. Di-sini, Tuan Pengerusi, soal perchubaan menanam kelapa ini, saya mendapat tahu keterangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, ada-lah pada tahun ini unok di-ranchangkan di-negeri Johor dan Kelantan sahaja. Jadi, saya harap-lah kira-nya, kalau dapat, chuba-lah pula di-jalankan di-dalam negeri Selangor, kerana negeri Selangor juga tidak kurang-lah kelapa² yang telah tua dan yang mustahak unok di-jalakan Ranchangan Menanam Samula ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu, saya bawa pada muka 96 ia-itu Chawangan Penyelidek Butiran (422). Di-sini, saya tengok juga ada lebeh peruntokan daripada tahun yang sudah dan saya perchaya Pegawai² Penyelidek Ikan ini telah pun berjaya membuat penye-lidekan unok memajukan Ranchangan Perikanan ini. Satu pandangan yang

saya suka memberi kapada Yang Berhormat Menteri ya'ani satu perusahaan yang, saya fikir, boleh memberi keuntongan kapada negara ini dan memberi keuntongan kapada ra'ayat di-dalam negara ini ia-lah satu perusahaan unok menternak udang galah. Udang galah ini, Tuan Pengerusi, kita sedia ma'alum, mendapat harga yang chukup tinggi dan sangat senang unok membiakkan dan unok di-pelihara bagi memberi kelebehan dan bagi menchari kemajuan di-dalam lapangan ternakan ini. Sa-lain daripada boleh di-makan, udang galah ini, Tuan Pengerusi, dia juga boleh di-buat menjadi keropok, unok di-hantar ka-luar negeri. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri akan bersetuju dengan pendapat saya.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya bawa kapada muka 108 ia-itu Pinjaman Pemulehan unok Mata² Khas. Ini saya suka membuat satu pandangan kapada satu tempat bagi Penempatan Sa-mula Mata² Khas yang telah di-buat yang telah di-tempatkan di-satu kampung di-daerah Kuala Selangor yang bernama kampung Jaya Setia. Ini, saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian akan dapat menyiasat sa-mula kedudukan mata² khas yang tinggal di-kampung Jaya Setia ini, kerana saya dapati kedudukan kampung itu tinggi ada-lah tempat tinggal mata² khas itu sahaja. Tetapi kebun² getah yang di-usahkan oleh penduduk² kampung Jaya Setia yang terdiri daripada mata² khas itu ada-lah sangat rendah dan selalu di-tenggelami oleh ayer yang menyebabkan, walau pun sudah beberapa tahun kampung Jaya Setia ini di-usahkan oleh mata² khas ini, tidak mendapat kejayaan yang sa-penoh-nya. Jadi oleh kerana itu harap mendapat pertimbangan. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, akhir-nya saya ucapkan terima kaseh kapada Kementerian ini di-atas kechergasan-nya dan di-atas kebaikan-nya bagi menyampaikan tugas² ra'ayat bagi memajukan di-dalam lapangan pertanian.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntokan yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Menteri bagi Kementerian-nya sa-banyak

\$18 juta. Di-samping itu saya mengambil peluang menguchapkan satinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai² dan jabatan²-nya yang telah pun melaksanakan beberapa ranchangan yang berfaedah dan kemudahan² bagi penduduk² di-kawasan saya ia-itu Seberang Utara dan mengadakan ranchangan pam ayer di-Bumbong Lima dan pam ayer di-Pinang Tunggal dan ranchangan Jarak dan juga mengadakan sekolah pertanian yang mula² sa-kali dalam Malaysia di-kawasan saya. Saya menguchapkan terima kaseh-lah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjadikan kawasan saya sa-bagai yang julong² sa-kali di-adakan sa-buah sekolah pertanian.

Tuan Pengerusi, waktu Yang Berhormat Menteri mengusulkan supaya di-luluskan peruntukan ini, Yang Berhormat telah pun menyatakan ia-itu ranchangan² yang akan di-jalankan salaras dengan pelaksanaan lembaga pasaran dan juga Bank Bumiputera. Saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri jangan-lah jadi sa-bagai satu alasan pula kemudian hari, kerana tidak terlaksana-nya lembaga pasaran ini dengan sa-chepat mungkin disebabkan tidak ada pakar² atau orang² yang berkebolehan untuk menjalankan kewajipan itu. Saya haraplah

Mr Chairman: Saya suka hendak bertanya Yang Berhormat, kepala mana ini, muka berapa, yang hendak di-tegor perbelanjaan.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi ada menyentoh mengenai lembaga pasaran.

Mr Chairman: Itu-lah muka mana, tolong sebutkan muka-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Dalam uchapan Yang Berhormat beri sendiri.

Mr Chairman: Itu bukan di-sini, itu di-dalam yang mula, ini kita dalam Jawatan-kuasa.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Baiklah, Tuan Pengerusi. Saya hendak sentoh sedikit sahaja-lah supaya jangan-lah perkara itu di-tanggoh²kan kerana sangat mustahak di-laksanakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, muka 83, 96 and 90 Chawangan Penyelidek tiga² bahagian sa-kali ia-itu Penyelidekan Pertanian, Penyelidekan Perikanan, dan Penyelidek Haiwan. Saya dapat tahu chawangan ini ia-lah untuk menyelidek bagaimana hendak memperbaiki keadaan tanah, mithal-nya, chara menangkap ikan, dan menghapuskan penyakit² mengenai penternakan haiwan. Saya harap chawangan ini juga dapat membuat satu siasatan atau kajian terhadap sa-takat mana hasil² yang di-perolehi dari segi pertanian, perikanan dan haiwan. Dengan chara ini dapat-lah bahagian ini menentukan banyak mana-kah bahan² ini digunakan oleh negara kita, banyak mana-kah yang dapat di-expotkan dan dengan chara ini dapat-lah menahan kelebihan keluaran hasil² ini supaya orang² yang mengusahakan, khas-nya peladang², menanam bahan² makanan dan juga sayoran² serta menternak binatang, boleh mendapat harga yang baik dengan tidak terlampau banyak di-keluarkan. Dengan chara ini dapat-lah kita memelihara kehidupan peladang² untuk mereka dapat hasil yang patut di-atas tenaga mereka itu.

Muka 101, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai Pertunjukan Pertanian dan Pelajaran Peladang. Di-sini saya dapati peruntukan chuma \$20,000 sahaja, dan pada pendapat saya peruntukan ini sangat kechil kerana pelajaran peladang ini ada-lah satu perkara yang sangat² mustahak dan kira-nya boleh, di-harap Yang Berhormat Menteri tambahkan lagi supaya di-beri peluang dengan sa-luas²-nya kepada peladang² kita mempelajari segala teknik² mengenai pertanian dan juga menternak ayam tadi dan lain². Jadi sekarang ini dengan tidak ada banyak peruntukan peluang tentu-lah tidak dapat begitu banyak kepada peladang² kita yang ada di-luar bandar; kira-nya di-adakan lebeh lagi boleh-lah di-beri peluang kepada mereka itu belajar chara berchuchok tanam dan lain².

Muka 104, Tuan Pengerusi, ia-lah Bahagian Kemajuan Kerjasama. Sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa oleh sebab kaki-tangan tidak chukup, maka tidak dapat di-jalankan Bahagian ini dengan

memuaskan. Saya berharap supaya Kementerian ini dapat menjayakan dengan sa-penoh²-nya gerakan sharikat kerjasama ini oleh kerana dengan chara ini-lah sahaja yang dapat mem-bela nasib ra'ayat yang di-luar bandar, kerana ma'alum sahaja-lah, orang² yang pendapatan-nya kechil tidak dapat mengeluarkan modal² yang banyak bahkan boleh mengumpulkan modal daripada pendapatan² yang kechil untuk menjalankan apa² juga perniagaan, perusahaan, pasaran hasil daripada pertanian dan juga yang lain. Saya harap dapat di-beri sa-penoh²-nya galakan lagi untuk di-majukan Bahagian ini.

Dan akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya sentoh sedikit berkenaan dengan Pelajaran Pertanian muka 83. Bagaimana yang kita ma'alum bahawa pelajaran ada-lah sangat berguna kepada semua orang yang menguruskan dalam satu² jurusan. Sekolah Pertanian ini saya dapat tahu akan di-beri latehan kepada Pegawai² Muda Pertanian khas-nya. Saya harap dapat di-buka pintu kepada peladang² yang ingin belajar dalam ilmu pertanian di-sekolah² ini dengan chara memberi kursus yang pendek, sa-bulan lama-nya dengan tanggungan Kementerian sendiri bagaimana saya lihat di-negara² yang lain di-beri peluang kepada peladang² atau wakil² daripada persatuan² peladang² menghadhiri kursus² ini dan manakala mereka itu balek ka-tempat masing² dapat-lah mereka itu mengajarkan pelajaran² yang di-terima itu kepada rakan²-nya yang lain. Dengan chara ini dapat kita meluaskan lagi pengetahuan mengenai pertanian kepada peladang² yang tidak dapat peluang belajar di-sekolah² dan lain². Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Pengerusi,

Mr Chairman: Ada lagi? Saya suka hendak bertanya, hendak di-potongkah perbelanjaan ini atau hendak minta di-tambah?

Enche' Ahmad bin Arshad: Saya hendak menegor atas perbelanjaan . . .

Mr Speaker: Hendak menegor? Tidak puas hati?

Enche' Ahmad bin Arshad: Dato' Pengerusi, saya bangun ini dengan rasa dukachita atas peruntukan yang saya fikir tidak chukup pada Kementerian ini

Mr Speaker: Itu dia! Kalau tidak chukup baharu boleh berchakap.

Enche' Ahmad bin Arshad:
Sebab saya nampak bahawa Kementerian ini-lah satu Kementerian yang hampir kepada ra'ayat dan Kementerian ini-lah juga yang boleh mening-gikan taraf hidup ra'ayat. Saya memikirkkan kalau mengikut perkembangan kehendak ra'ayat dalam Kementerian ini, patut Kerajaan mem-berikan peruntukan-nya sa-kali ganda daripada ini. Dato' Pengerusi, saya chuma hendak berchakap Pechahan Kepala 27—Perchubaaan dan Penyiasatan Luar.

Mr Speaker: Muka berapa?

Enche' Ahmad bin Arshad: Muka 102, Dato' Pengerusi. Dalam Pechahan Kepala ini ada minta wang sa-banyak \$981,000. Saya chuma hendak menarek perhatian dalam usaha menjalankan penyiasatan ini, chuba di-sekalikan berhubong dengan tanaman sayor. Sebab tanaman sayor ini satu kerja yang di-usaha oleh petani², tetapi kadang² nasib-nya tidak dapat satu perlindungan waktu harga sayor itu meleset. Dengan ini saya mengharap-kan penyelidekan ini atau penyiasatan ini supaya menchuba menengok dalam sa-buah kawasan saya, di-Solak Tangkak, yang telah di-khaskan oleh Kerajaan Negeri sa-luas 1,000 ekar kerana tanam sayor. Sayor ini boleh keluar satu hari 8 lori atau 9 lori ka-Singapura. Tetapi bila mana harga sayor di-Singapura murah, satu kati 3 sen atau 2 sen sayor sawi-nya, maka penanam sayor ini bukan sahaja menempah kerugian, tetapi bosan dengan perusahaan menanam sayor ini. Jadi, saya mengharapkan kepada Kerajaan usaha memperkembangkan menanam sayor ini supaya dapat mem-buat satu kilang mengtiin sayor atau menjerok sayor dan dapat kita mengurangkan masok-nya sayor² dari-pada luar negeri.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, muka 104, Pechahan Kepala 55 dan 56 berhubung dengan Pejabat Haiwan dan dalam ini telah ada menyebutkan rancangan berpawah berhubung dengan lembu dan kerbau. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah membuka sa-buah chawangan Jabatan Haiwan di-kawasan saya di-Tangkak dan saya harap satu masa chawangan ini akan jadi bahagian yang berdiri sendiri di-Tangkak kerana di-kawasan saya Muar Utara mempunyai ternak kerbau dan lembu lebeh daripada 3,000 ekor. Apa yang saya hendak chakap atas yang di-sebut oleh sahabat saya daripada Kulim Utara, itu tidak benar Kementerian ini tidak memberi lembu jantan. Menurut pentadbiran yang di-beri kepada Jabatan Pertanian Negeri Johor, kawasan saya dapat 20 ekor lembu, dapat sa-ekor lembu jantan

Mr Speaker: Itu yang saya hendak ingatkan ini, kita tidak ada berchakap berkenaan dengan lembu jantan-kah, lembu betina-nya, tetapi kita hendak berchakap banyak-nya wang. Chukupkah, tidak cukup perbelanjaan ini, ini dalam Committee ini.

Enche' Ahmad bin Arshad: Jadi, saya mohon dengan Dato' Pengerusi, hendak membetulkan

Mr Speaker: Ta' usah—tidak boleh, tidak tepat. Kita ada banyak kerja lagi.

Enche' Ahmad bin Arshad: Ya, baiklah. Ada satu perkara berhubung dengan pemberian pawah ini. Apa yang di-chakap oleh Yang Berhormat itu tidak betul di-Johor di-beri sa-ekor lembu jantan kepada sa-orang itu; dan di-beri gaji kepada orang yang memelihara lembu jantan itu \$10 sa-bulan. Begitu-lah kedudukan dalam Negeri Johor. Saya hendak tegor dalam hal ini, jangan-lah Kementerian ini memberi lembu dan kerbau ini—kerbau yang sudah tua, Dato' Pengerusi, dan rabon pula. Jadi, saya tidak tahu apa dasar Kerajaan membeli kerbau itu. Ada-kah dasar kerbau yang sehat atau kerbau yang murah. Kalau kita hendak chari kerbau yang murah memanglah kerbau rabon dan kerbau tua. Jadi, saya harap dasar

Mr Speaker: Saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat berchakap lagi kalau melanggar Peratoran dan Atoran. Saya sudah ingatkan tadi di-atas Kepala ini ada wang-nya di-sebut sa-banyak mana yang di-sebut di-situ hendak di-kurangkan-kah?—hendak dilebuhkan-kah? Tolong beritahu dan sebab apa alasan-nya.

Enche' Ahmad bin Arshad: Jadi, saya fikir, Dato' Pengerusi, kurang pun tidak boleh, lebeh pun tidak boleh . . .

Mr Speaker: Kalau tidak begitu, biarkan-lah.

Enche' Ahmad bin Arshad: Biarkanlah begitu, tetapi beli kerbau itu biarlah kerbau yang gemok.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, berhubung dengan Parit dan Tali Ayer, Butiran (230), Jurutera Parit dan Tali Ayer. Ini juga saya sa-kali lagi mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang banyak memberi rancangan Parit dan Tali Ayer di-tempat saya, chuma saya hendak tegor dalam pentadbiran Jurutera Parit dan Tali Ayer ini. Di-sini ada minta wang kerana Jurutera ini apa perkara-nya yang saya harap supaya di-teliti dengan chermat waktu hendak meluluskan satu² pemborongan projek Parit dan Tali Ayer, telah berlaku di-satu kawasan saya, belanja-nya \$50,000, pam ayer pelampong kawasan sawah Serom berharga \$50,000 kalau saya tidak salah, tetapi malang-nya belum sampai 6 bulan, jambatan itu patah dan tiang-nya termasuk kadalam. Jadi apa yang di-harap oleh ra'ayat dengan kemudahan Parit dan Tali Ayer ini akan jadi hanchor. Kerajaan pula rugi. Itu-lah saya harap pehak Jurutera Parit dan Tali Ayer ini waktu hendak meluluskan sa-suatu pemborongan hendak-lah dengan chermat dan teliti supaya benar² rancangan Kerajaan ini memberi faedah kepada ra'ayat dan Kerajaan tidak rugi. Sekian-lah terima kasih.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Pengerusi. Saya chuma hendak mengemukakan empat perkara, Dato' Pengerusi,—semua² pendek. Pertama²-nya, saya

hendak menyatakan saya menyokong Perbelanjaan bagi Kementerian ini dan saya ucapkan kapada Menteri selamat balek—berkejar balek daripada Jerman Barat hendak menghadhiri perkara² Kementerian-nya. Saya rasa ini satu Menteri yang sangat saya sanjong tinggi—nampak dia ambil berat di-atas perkara dia dan di-samping itu barangkali ra'ayat sakalian di-luar Bangunan kita ini sedia menanti pelajaran², perkara² yang baharu, teknik² yang baharu yang akan di-tabor kapada ra'ayat jelata sakalian untuk faedah petani kita. Tahun baharu akan tiba dan tahun baharu barangkali kita akan sambut dengan segala jaya-nya.

Kepala S. 13. Bahagian Kemajuan Kerjasama, Butiran (333) dan (334) muka 93. Di-sini kita tengok, Dato' Pengerusi, rasa saya pada tahun 1965 jawatan itu 121. Tahun 1966, 121 juga dan Butiran (334), tahun 1965, 100, tahun 1966, 100 juga. Banyak telah di-sebutkan di-atas hal ehwal Sharikat Kerjasama ini, Dato' Pengerusi, ra'ayat sakalian menanti, sama ada dengan tenaga pegawai² ini wang kita belanjakan banyak² ini nasib mereka itu dapat di-perbaiki. Pada saya sa-orang, saya belum lagi hendak mengatakan terima kaseh kapada pegawai² ini, sebab dengan perbelanjaan ini, umpama-nya sharikat bas di-jalankan, sudah jadi senget. Beberapa kedai Sharikat Kerjasama di-jalankan tidak begitu maju, tetapi ini-lah pegawai²-nya dalam negara kita ini, Dato' Pengerusi, yang pandai sekali berchakap—sungguh pandai. Chukup terpelajar, chukup pandai. Jadi saya shorkan kapada Kementerian supaya pegawai² ini jangan berchakap lagi bahkan kalau ada sharikat bas dia mahu pergi hari² ka-office bas, terutama ka-office bas saya. Datang-lah nasehatkan supaya berfaedah bersungguh "facts and figures" datang beritahu kapada dia. Jadi berfaedah kapada Kementerian dan kapada ra'ayat jelata.

Ini bukan masa kita berchakap lagi, masa kita bekerja untuk menjayakan hal-ehwal ra'ayat jelata dan negara.

Head S. 13, Dato' Pengerusi, Kepala (a) Ibu Pejabat, Pechahan-kepala 8, muka surat 101.

Mr Chairman: Katakan muka itu, lebeh senang lagi.

Enche' Tajudin bin Ali: Minta ma'af. Saya balek sa-mula ia-itu di-muka surat 101 Pechahan-kepala 8—Per-satuan Penyelidek Mengetin dan Menyejokkan Buah dan Sayor. Barangkali berkat Dato' Pengerusi, berkat Raja² kita, tahun ini buah²an chukup mewah di-seluroh negara kita. Apa jadi, boleh di-katakan 90 peratus daripada buah²an itu sudah menjadi terbuang sahaja. Wang \$435 ini kita hendak buat apa? Saya rasa kalau hendak beli 400 biji tin pun tidak dapat. Jadi, saya rasa ini tidak patut perbelanjaan sa-banyak ini. Saya rasa memandangkan daripada satu pehak, Dato' Pengerusi, tenaga Kementerian Pertanian ini sangat baik, tetapi tidak di-panjangkan, apabila dapat hasil semua tidak jadi hasil kapada ra'ayat jelata terbuang sahaja. Jadi ini ada-kah munasabah untuk mengetin dengan belanja \$435? Patut di-panjangkan tenaga itu untuk faedah ra'ayat jelata. Jadi kalau saya berchakap panjang, Dato' Pengerusi marah, jadi saya berhenti di-situ dan saya pergi kapada butiran yang lain. Tidak patut, bukan kita tidak tengok pisang kita banyak, nanas kita banyak, nanas kita chuma di-tin di-Pekan Nanas sahaja \$5 juta, itu memberi faedah. Mengapa tidak kita mengadakan \$10 juta untuk mengetin kata-lah buah rambutan? Saya boleh mengatakan terus terang di-sini, kalau kita mengetinkan buah rambutan, umpama buah rambutan lekang, 10 kali lebeh baik daripada buah lichi. Kalau tidak di-jalankan, bila hendak di-buat? Tahun 1966 akan sampai, tahun 1967, 1968 dan 1969 belum kita nampak!

Pechahan-kepala 19, Dato' Pengerusi, muka itu juga 101—Bahagian Pertanian. Dahulu kita ada perbekalan sa-banyak \$30,000 sekarang \$20,000. Ini pun saya hendak tahu daripada Menteri kita, barangkali pelajaran² dia bawa balek banyak dari Jerman Barat. Mengapa, ada-kah kekurangan ini di-sebabkan pak² tani telah pandai dan lulus? Pandai bertanam padi dan sudah berjaya. Saya rasa, maseh lagi dalam perusahaan, maseh lagi dalam perchubaaan. Mengapa kurangkan?

Saya rasa 10 kali ganda daripada ini lebih baik. Kerana beras kita pun jauh daripada menchukupi untuk makanan ra'ayat jelata sekalian. Mengapa tidak di-lebihkan? Saya shorkan 10, 20 kali ganda lagi patut, kerana ra'ayat jelata belum lagi dapat pelajaran yang sa-wajar-nya dalam lapangan pertanian ini.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 19 juga, Dato' Pengerusi, berkenaan dengan pertunjokan hal-ehwal hasil daripada kampong², tidak memuaskan sa-kali. Saya tengok kadang² pertunjokan itu membuang masa dan wang sahaja, kerana ada pak² tani pergi ka-market sahaja, umpama-nya hendak beli timun, dia beli timun di-market yang baik sa-kali dia kata, ini timun tanaman saya. Mesti-lah di-siasat sabelum hadiah² di-keluarkan kerana barang² market banyak; selalu-nya lebih baik daripada tanaman yang di-keluarkan daripada kampong². Ini mesti di-jaga.

Muka surat 111, Dato' Pengerusi, perbelanjaan sa-banyak \$873,268 ini untuk Bahagian Perikanan. Ini pun bahagian patut kita perbaiki, Dato' Pengerusi, memikirkan sahabat kita daripada Kuala Selangor tadi mengatakan macham mana hendak bela udang. Kampong saya, di-Tanjong Tualang, Dato' Pengerusi, memang tahu termashhor dengan udang, tetapi sekarang udang tidak ada, bawa \$2, \$3 ka-pekan tidak ada. Jurusan ini patut siasat mengapa udang tidak ada, duit ada, udang tidak dapat di-beli. Jadi saya tengok di-negeri² lain ada orang bawa anak² ikan, lepaskan di-sini, kita tengok sa-tahun sa-kali, umpama-nya, Dato' Menteri Besar Perak melepaskan anak² ikan di-Tasek Chenderoh, itu yang pertama-nya, itu yang akhir-nya sagni ikan dua tahun sa-kali lepas, jadi perbelanjaan ini tidak perpatutan. Wal hasil dalam negeri kita, tasek banyak, danau banyak, sungai banyak, anak sungai lebih banyak, ikan di-kolam kita di-Parlimen ini besar itu juga, saya tengok kelmarin besar itu juga, berapa bulan kemudian besar itu juga, ikan apa saya tidak tahu. Jadi tidak patut-lah bela ikan ini kerana membuang duit sahaja.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, muka 108 perbelanjaan sa-banyak \$554,627 berkenaan dengan Penempatan sa-mula Mata² Khas. Sedeh perkara ini, Dato' Pengerusi, kalau kita tengok Penempatan sa-mula Mata² Khas ini boleh di-katakan 99 peratus gagal

Mr Chairman: Wang yang sa-banyak itu tidak chukup-kah atau chukup?

Enche' Tajudin bin Ali: Tidak chukup.

Mr Chairman: Kalau tidak chukup tidak boleh di-tegor di-sini, kalau tidak chukup ada tempat lain boleh tegor. Kalau hendak di-kurangkan boleh.

Enche' Tajudin bin Ali: Jadi saya katakan pada satu tempat kurang, boleh katakan tidak menchukupi. Jadi, saya hendak datangkan shor di-sini, Dato' Pengerusi, pendek sahaja. Saya katakan, oleh sebab tenaga S.C. ini semua-nya sudah habis, gunakan tenaga itu untok perang dengan peng-ganas, habis tidak ada langsung. Saya rasa pejabat ini di-tutup, gunakan wang ini untok membeli harta atau estate supaya mata² khas beli hari ini esok boleh dapat hasil. Mereka tidak ada tenaga lagi, jadi tutup pejabat ini, umpama, tahun 1966 beli satu estate dan bagi kapada mereka. Tahun hadapan begitu juga jadi ada berfaedah. Kalau hendak suroh dengan wang ini juga mereka bertanam tidak dapat, kerana tenaga mereka tidak ada lagi. Ini lebih berfaedah kapada mata² khas dan berfaedah kapada negara. Sekian, terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Pengerusi, berhubung dengan kewangan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini saya suka mengambil bahagian, yang pertama muka 79. Saya menyokong pendapat Yang Berhormat wakil dari Sabak Bernam tadi berhubung dengan Menteri Muda. Nampak-nya Kerajaan pun memandang Jabatan Sharikat Kerjasama ini dari sa-hari ka-sahari hendak di-tarek bahkan ada pula dalam Parlimen ini juga sanggup kita menudoh pegawai² kerjasama ini pandai berchakap banyak, pada hal pegawai² kerjasama,

kalau hadir-lah dalam Dewan ini dan dapat menjawab, rasa saya dia boleh menghuraikan kerja² yang di-tanggungkan kepada pegawai² sharikat kerjasama ini.

Jadi saya tidak sa-bulu dengan fikiran yang mengatakan Pegawai² Kerjasama ini banyak chakap atau kechaman yang di-datangkan kepada Pegawai Kerjasama, sebab saya menghampiri sangat dalam Jabatan Kerjasama.

Dato' Pengerusi, saya berchakap ini kurang boleh, lebeh jangan. Mengikut bagaimana kata berhubung dengan Budget ini, muka 86, bahagian (v), Rancangan Memuleh Menanam Samula Kelapa, saya harap Menteri yang berkenaan, Melaka jangan-lah di-lupakan, kerana pokok kelapa sangat banyak yang tua, jangan-lah dua negeri atau satu negeri sahaja hendak di-pulehkan, tetapi negeri yang asal seperti Melaka itu hendak ditinggalkan.

Muka 87 Bahagian Parit dan Taliayer, saya besetuju bagaimana kata Dato' Pengerusi tadi kita kurangkan—kurang boleh, lebeh jangan. Jadi saya chadangkan, oleh sebab petani² kita nampak-nya pada masa hadapan akan kena chukai banyak apabila Kerajaan membuat parit² dan taliayer ini dikenakan chukai, sudah-lah di-kena chukai tanah, kemudian kena chukai taliayer, kena chukai sawah lagi, taliayer, sawah, jadi chukai² ini chuba di-berhentikan sahaja, akan datang pula kena chukai pelajaran pula lagi dalam chukai sawah, chukai tanah, jadi nampak-nya berat sangat kaum tani kena chukai pada hal sawah selalu tidak jadi. Ini chakap, Tuan Pengerusi, yang saya chakapkan ia-itu kurang boleh, lebeh jangan.

Muka 89 Bahagian Haiwan, saya hanya merayu kerana di-negeri Melaka juga Rancangan Luar Bandar ini dapat memberi kepada orang kampung, kambing, lembu—macham² lagi, yang saya hendak merayu kepada Jabatan ini jangan-lah memberikan kepada orang kampung kambing kurap (*Ketawa*). Di-beli daripada estate di-hantarkan kepada orang kampung, tiba kepada orang kampung dua, tiga

bulan mati, katakan orang Melayu tidak pandai bela kambing. Lembu bagitu juga beli lembu di-estate yang tua², yang bangka² itu berikan kepada orang kampung, bela sa-bulan dua, mati. Orang Melayu tidak layak, inilah harapan saya supaya Jabatan ini menyasiat betul. Gunakan wang Kerajaan itu belikan kambing yang baik jangan kambing yang kurap.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Di-mana berlaku beli kambing kurap?

Enche' Abdul Karim bin Abu: Di-kawasan saya, di-Melaka.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Mengapa tidak kemukakan kepada Menteri sendiri, apa guna di-bawa ka-dalam Dewan ini?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, Ahli kita daripada Lipis itu apa pula kachau orang hendak berchakap?

Enche' Abdul Karim bin Abu: Dato' Pengerusi, biar-lah saya teruskan, Lipis ini entah apa panas-nya, saya pun tidak tahu-lah (*Ketawa*).

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya dengar dia memuji pada awal-nya kemudian dia juga mengeji pada akhir-nya. Saya tidak bersetuju pada langkah itu, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu: Baiklah, memang kita hidup ini puji pun ada, keji pun ada sadikit.

Muka surat 92 Bahagian Kemajuan Kerjasama Dato' Pengerusi, saya tidak bersetuju langsung dengan ucapan wakil Batu tadi mengatakan Sharikat Kerjasama² ini gagal. Sanggup pula wakil Batu itu menyuruh Kerajaan memotongkan estimate hendak menolong kepada padi² yang di-tanam dalam negeri ini, di-potong kerana menaikkan harga hasil tanaman dalam negeri ini dan kata dia beli sahaja beras daripada Siam. Mana kedudukan Socialist dia itu? Berputar balek kata dia itu, kena pada ra'ayat, orang yang miskin, dia kata Siam itu bagus beli sahaja beras Siam, menolong kepada

orang Melayu tidak usah. Ini-lah sangat susah. Jadi Sharikat Kerjasama ini sa-tahu saya di-berikan peruntokan macham kain selimut, tarek ka-atas bawah tidak sampai, tarek ka-bawah atas tidak sampai. Jadi Kementerian Kewangan, mudahan² tahun hadapan, akan memandang Kementerian Kerjasama ini-lah tonggak hidup atau mati-nya penduduk luar bandar, terutama sa-kali orang² Melayu.

Dato' Pengerusi, muka surat 104 berhubung dengan Pelajaran Kerjasama. Tahun dahulu tahun 1965, peruntokan \$56,000 itu Kementerian Kewangan beritahu ini \$48,000 sahaja, kurang. Ini-lah yang menyebabkan Jabatan Kerjasama ini di-momok²kan dalam negeri ini. Pada hal yang sangat mustahak pelajaran kerjasama ini-lah yang hendak di-sampaikan kepada seluruh ra'ayat seperti Jabatan Penerangan hendak-lah ada kempen berhubung dengan Kerjasama, adakan siaran² berkenaan dengan kerjasama, adakan surat khabar kerjasama, tetapi Budget ini makin di-kechilkan pula. Jadi ini juga supaya mendapat perhatian pada masa kadapan. Berhubung dengan pelajaran kerjasama ini, sa-tahu saya pegawai yang bertanggung-jawab sangat-lah mengambil berat hendak memajukan, hendak menyampaikan fahaman kerjasama ini kepada keseluruhan ahli² sharikat kerjasama, pada orang ramai; kalau tidak ada menggunakan siaran atau penerangan² tentu-lah makin lama makin malap.

Muka surat (110) Pechahan-kepala 143. Maktab Bekerjasama. Saya sa-kali lagi berchakap—Maktab Bekerjasama ini patut mendapat bantuan penoh daripada Kerajaan, dan penuntut yang hendak masuk belajar di-sana itu, ini kalau salah, saya minta ma'af, ada dengar² angin, ini pun juga hendakkan kelulusan, yang sudah² itu, biar-lah petani dapat mengambil bahagian belajar di-sana, tidak usah hendak ambil degree itu, degree ini lagi, kerana jiwa kerjasama ini bukan berkehendakkan kepada orang yang berpengetahuan tinggi, tetapi berkenaan dengan kerja yang berhubung dengan kerjasama, seperti sawah padi ada Sharikat Kerjasama sawah padi,

sharikat kilang padi—ini yang patut di-berikan pelajaran, keperchayaan, di-tanamkan kepada jiwa mereka yang mengambil bahagian dalam sharikat kerjasama ini.

Akhir-nya, sa-lain daripada itu, saya sambong lagi berhubung dengan penuntut² ini di-minta-lah di-banyakkan, kerana di-India sana saya tengok saya bacha buku, Pegawai² Tinggi Kerajaan seperti D.O., Pegawai² Tinggi yang lain, pada waktu petang, dia menghabiskan masa menolong sharikat kerjasama² di-kampong dia. Jadi pada masa hadapan, kalau adalah pelajaran kerjasama ini di-bukakan peluang lebeh luas lagi, mereka yang cherdek pandai dalam kampong² ini dapat mengambil bahagian sama, memberikan sokongan kepada sharikat kerjasama² yang berchambah di-kampong² di-tanah ayer kita.

Akhir-nya, muka surat 92 dalam Butiran (330) chuma dua orang sahaja nampak-nya Pegawai Pemasaran Kerjasama. Ini juga, kalau dapat, di-tambah pegawai² ini untuk mensesuaikan satu lembaga yang telah di-sahkan dalam Dewan ini tempoh hari ia-itu Lembaga Pemasaran. Rayuan saya, Lembaga Pemasaran ini menjalankan tugas-nya jangan-lah sharikat kerjasama yang sedang berjalan pada hari ini, umpamanya, kilang padi yang ada di-tanah ayer kita ini, tidak mendapat mengambil bahagian dalam Lembaga Pemasaran pada masa akan datang. Di-harapkan kilang² kerjasama ini-lah, di-berikan ke-istimewaan pada masa hadapan berhubung dengan perjalanan Lembaga Pemasaran ini.

Enche' Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap muka 101 Pechahan-kepala 10, berkenaan dengan Zu Negara. Peruntokan di-sini menunjukkan sa-banyak \$6,000 dan pada tahun 1966 pun sama juga.

Jadi memandangkan keadaan Zu Negara yang ada sekarang ini, saya suka juga memberi pandangan bahawa Zu itu makin sa-hari sa-makin nampak tidak dapat kemajuan kerana banyak-lah binatang dalam Zu itu telah mati dan tidak di-ganti dengan binatang² baharu. Dan saya juga berchadang

supaya Menteri yang berkenaan mengambil berat mengadakan binatang² tempatan yang mana binatang² ini mudah sahaja boleh di-dapati. Barangkali, Yang Berhormat sendiri pun, telah mengetahui yang di-Kuala Krai, kita telah adakan satu Zu—Mergastua—nama-nya, yang sekarang ini telah ada beberapa binatang tempatan seperti gajah, badak dan lain² lagi. Dan benda² ini telah kerap kali dibawa ka-tengah supaya benda² ini dapat Zu Mergastua yang ada di-Kuala Krai itu boleh berhubung rapat dengan Zu Negara sa-bagai kita katakan sa-bagai "Supply Depôt" atau pun wakil yang boleh menghantarkan binatang² ini kepada Zu Negara. Tetapi hal begitu tidak dapat-lah apa² timbangan dan jawapan daripada yang berkenaan, kerana pada fikiran saya jikalau \$6,000 ada peruntukan di-sini, berma'ana-lah tidak ada kemajuan, kerana benda itu tidak ada dapat tambahan peruntukan bagi kemajuan di-dalam Zu Negara.

Pechahan-kepala 19, muka 101 juga, berkenaan dengan Pertunjukan Pertanian dan Pelajaran Peladang². Peruntukan sa-banyak \$20,000 pada tahun yang akan datang—ini pun saya rasa boleh-lah di-kirakan patut, dan saya menyokong peruntukan itu. Tetapi hendak-lah pertunjukan² ini di-adakan di-tempatan, jangan-lah di-utokkan kepada Ibu Kota sahaja atau pun di-ibu² bandar. Untuk pelajaran² peladang pun hendak-lah di-adakan di-merata tempatan yang mana kita akan mendapat faedah yang besar, umpama-nya di-Ulu Kelantan, jika kita buatkan pelajaran peladang² ini atau pun pertunjukan pertanian di-bandar², maka tidak dapat-lah ahli² peladang atau pun pak² tani hendak mengambil bahagian atau pun hendak dapat satu pelajaran yang baharu daripada pertunjukan dan pelajaran peladang ini.

Pada muka 104, Pechahan-kepala 56 dan 58, berkenaan dengan Bayaran Pawah Kerbau, dan Lembu. Peruntukan untuk tahun hadapan bertambah, tetapi saya rasa dukachita berkenaan pembahagian kerbau di-Kelantan, kerana nampak-nya pembahagian ini tidak dapat memberi

sa-penoh² faedah kepada ra'ayat kita, kerana kebanyakan, seperti-lah bagaimana Ahli² Dewan berchakap tadi, sa-tengah-nya tidak memberi faedah kerana benda² atau pun kerbau, lembu yang di-bagi itu tidak berapa sehat dan sa-tengah² kerbau, lembu ini di-fahamkan ia-itu kebanyakan lembu² ini datang dari sa-belah Siam, sa-belah Thailand, sebab negeri Kelantan itu berhampiran dengan Thailand. Maka saya rasa patut-lah ada kawalan dan juga saya rasa saya dapati bahawa pegawai² yang ada di-Pasir Mas itu suka benar mengambil tahu hal ini dan nampak-nya pegawai itu tidak betul² menjalankan bagaimana yang di-tugaskan. Perkara ini betul² tidak dapat faedah kepada ra'ayat.

Bagitu juga bagi Pechahan-kepala 58 Ranchangan Bantuan Lembu Jantan. Tadi Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan dahulu daripada saya, berkenaan dengan baka atau pun bantuan lembu jantan. Saya rasa di-tempat saya, di-Kelantan itu, ma'alum-lah di-Pantai Timor segala²-nya di-kebelakangkan atau pun di-dahului segala² kemajuan atau kemudahan di-Pantai Barat dahulu. Jadi oleh itu-lah kita tidak dapat kemudahan. Jadi saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri mengambil berat tentang hal ini.

Saya suka juga menyentuh Pechahan-kepala 62. Pelajaran Kerjasama. Saya rasa Pelajaran Kerjasama di-Kelantan pun, kalau dengan peruntukan \$48,000, boleh mengalir ka-Kelantan sa-bahagian daripada itu saya rasa ada-lah memberi faedah kerana kebanyakan sharikat² kerjasama di-sana tidak dapat menurut betul² faedah atau tujuan sharikat² kerjasama, dan kebanyakan sharikat² kerjasama di-sana ada-lah boleh di-katakan bukan-nya di-penohi oleh ahli² sharikat, tetapi di-kongkong oleh beberapa kerat ahli² sahaja yang di-panggilkan capitalist. Perkara ini saya rasa ada dalam pengalaman atau pengetahuan Pegawai² Sharikat Kerjasama, tetapi oleh kerana dia tidak dapat-lah hendak ka-tengahkan perkara ini, kerana di-dalam sharikat kerjasama sa-bagai "advisory capacity" atau penasihat sahaja. Jadi jikalau

Jawatan-kuasa dalam sharikat kerja-sama tidak mengambil tegas atas satu² perkara yang pechah amanah, maka tidak dapat-lah pegawai itu membawa ka-tengah perkara ini.

Saya suka juga berchakap, muka 111 Pechahan-kepala 154, Pukat² yang Berpundi, Lampara dan Tunda. Jadi, saya rasa perkara ini juga patut diambil berat dan di-beri kemudahan kapada nelayan² di-Pantai Timor, kerana kita selalu mendengar bahawa nelayan² Pantai Barat sahaja mendapat pukat tunda, patut-lah Yang Berhormat Menteri membuat satu pilot scheme bagi pukat tunda di-Pantai Timor supaya kita juga dapat faedah seperti nelayan² di-Pantai Barat.

Saya suka juga berchakap, muka 103, Pechahan-kepala 52. Mengawal Penyakit.

Mr Chairman: Itu yang saya tidak tahan. Bila sudah muka 111, balek kapada muka 103. Kalau ambil daripada mula sampai ka-atas, bukan-kah baik?

Enche' Hussein bin Sulaiman: Pechahan-kepala 52, muka 103, Mengawal Penyakit—ini berkenaan dengan Bahagian Haiwan. Saya rasa di-sini ada peruntokan \$25,250, bolehlah dengan peruntokan ini mengadakan satu pusat quarantine di-Rantau Panjang. Sebab sa-tahu saya dan saya di-beri faham, banyak-lah binatang² yang masok dengan sa-chara gelap melalui Rantau Panjang, dan lebeh baik-lah dengan ada-nya peruntokan ini kita mengadakan pusat quarantine di-Rantau Panjang supaya lembu² dan binatang² lain yang patut di-kawal kena quarantine di-Rantau Panjang.

Saya suka berchakap dalam Bahagian Parit dan Taliayer

Mr Chairman: Muka berapa?

Enche' Hussein bin Sulaiman: Muka 103, berkenaan dengan Parit dan Taliayer. Jadi, di-sini saya, bagi pehak kawasan Kelantan, menguchapkan terima kaseh-lah atas Rancangan besar dan Taliayer yang akan diadakan di-Kemubu, tetapi dukachita

kami di-sana bahawa banyak-lah petani² ini yang menggunakan taliayer kecil, tidak dapat layanan atau pun tidak dapat bantuan, kerana rancangan kecil ini termasuk dalam rancangan Kerajaan Negeri. Oleh sebab Kerajaan Negeri itu tidak ada wang, tidak dapat-lah menemui rancangan kecil yang perlu bagi petani² seluruh negeri Kelantan. Sa-kian-lah.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Chairman, Sir, if I may, I would refer you to page 100, Head S. 13, where right at the bottom of the page, Sir, the total personal emoluments . . .

Mr Chairman: May I have that page again, please?

Enche' C. V. Devan Nair: Page 100, under Head S. 13, where the total personal emoluments are given right at the end of the page as \$11,323,095. Sir, it has been pointed out on several occasions that for a predominantly agricultural economy like ours, where more than 60% of the population depend on farming, fishing and other primary producing processes, the Budget for services rendered in these fields should bear some relationship. Now, Sir, the total vote asked for is in the region of \$18.4 million for the whole Ministry and personal emoluments take up the lion's share of the total vote asked for, i.e., \$11.32 million out of \$18.4 million.

Sir, on a close scrutiny of the items under which these personal emoluments are allocated, it is found that out of the 2,325 employees proposed for 1966 less than 250 are field workers who really bring the services and assistance directly to the rural population, which is around four million. Relating these two figures, it will be seen that the ratio of field workers to the agricultural population is very low indeed.

One last observation, Sir, which I think is very significant and that is not only does the total allocated under personal emoluments take the lion's share of the total vote allocated for the Ministry, but the vote itself for the agricultural sector is about 1% of the total Budget—1% of the total Budget,

Sir, for the largely rural population of 60%, of our country and thereby should hang a very significant tale to which this House and everyone concerned with the proper economic development of this country should find themselves extremely interested in. I would ask the Minister concerned to give an explanation to the country at large as to how and why it happens that the agricultural sector in this country gets only 1% of the Budget allocation and from what it gets—\$18.4 million allocation—the lion's share goes to personal emoluments, and personal emoluments are largely drawn, Sir, not by field workers but by chaps who sit in the office and push pens. How that is going to help in expanding the agricultural economy of the country, Sir, is anyone's guess, but it is definitely not mine. Thank you.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, sa-belum daripada saya menjawab atau menerangkan berkenaan dengan soalan² dan tegoran² yang di-beri berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, saya suka-lah mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah berchakap memberi sokongan yang penoh kepada Kementerian ini, dan daripada isi ucapan atau tegoran mereka itu, nampak-nya Ahli² Yang Berhormat tidak puas hati dengan peruntokan yang sangat kecil bagi Kementerian ini dan berharap supaya peruntokan itu di-tambah dalam beberapa segi dan beberapa jurusan, termasuk-lah di-dalam ucapan yang di-buat oleh wakil dari Bungsar yang penghabisan sa-kali. Beliau telah memberi tegoran berkenaan dengan perbelanjaan² yang di-buat atau di-untokkan bagi Kementerian ini. Mengikut keterangan yang telah di-beri oleh beliau ia-itu daripada peruntokan sa-banyak \$18.4 juta, maka lebeh daripada \$11.3 ada-lah di-untokkan bagi P.E. dan daripada pegawai sa-banyak 2,325 orang, sa-banyak 250 orang yang terdiri daripada pegawai² luar, dan daripada sa-jumlah peruntokan negara sa-banyak \$1,600,000,000 chuma \$18 juta

atau 1 peratus sahaja di-untokkan kepada Pertanian.

Berkenaan dengan soal yang pertama, ia-itu mengapa-kah daripada \$18 juta, chuma \$11 juta ada-lah untok P.E. Maka di-sini saya suka-lah menerangkan ia-itu kebanyakan daripada peruntokan yang di-tentukan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini ia-lah untok pegawai² yang bekerja bagi menyelenggarakan kerja² di-dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Kerja² yang besar akan di-uruskan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama tidak di-masokkan ka-dalam Anggaran Kemajuan Lima Tahun atau pun Anggaran Kemajuan tiap² tahun. Jadi kalau sa-kira-nya di-pandang sa-pintas lalu kepada Anggaran Perbelanjaan Tahunan sahaja, maka nampak-lah perbelanjaan itu sangat kecil, tetapi kalau sa-kira-nya di-bandingkan atau di-pandang kedua² sa-kali ia-itu Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan Anggaran Kemajuan Tahunan, maka perbelanjaan itu dapat-lah di-saksikan ia-itu ada-lah besar peratus-nya daripada perbelanjaan negara ini.

Kemudian berkenaan dengan tegoran yang kedua, ia-itu mengapa-kah chuma 250 orang sahaja pegawai² yang bekerja di-luar. Maka saya rasa, ini tidak-lah betul sama sa-kali, kerana kebanyakan pegawai² dalam Jabatan Pertanian dan dalam Kementerian ini ada-lah pegawai² yang bekerja di-luar, atau pun ada bersangkutan dengan kerja² di-luar, tetapi terpaksa dudok di-dalam office, atau di-dalam makmal, laboratory dan sa-bagai-nya. Jadi, kalau sa-kira-nya di-kaji masaalah ini, boleh di-katakan lebeh daripada tiga suku pegawai² dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-lah pegawai² yang bekerja di-luar², walau pun office, atau pun pejabat mereka berada di-bawah bangunan dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan peruntokan sa-banyak satu peratus daripada Budget allocation itu, saya telah terangkan ia-itu sa-bahagian besar daripada perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama akan dapat

di-saksikan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan yang akan dibentangkan di-dalam Dewan ini tidak berapa lama lagi.

Wakil dari Batu telah pun menegor masalah berkenaan dengan scholarship, atau biasiswa yang di-beri kepada penuntut² bagi melanjutkan pelajaran ka-University Malaya dan universiti di-luar. Angka yang telah di-nyatakan ia-itu sa-lama enam tahun yang sudah, 40 orang berada di-University Malaya dan 27 orang berada di-university luar. Dalam masalah ini, saya suka-lah menegaskan di-sini, ia-itu pehak Kementerian saya sendiri sedang menjalankan ikhtiar berunding dengan Kementerian Pelajaran bagi menambahkan biasiswa dan juga menambahkan penuntut² menuntut sama ada di-University Malaya, mahu pun di-universiti luar negeri. Maka dengan sebab itu dapat-lah di-saksikan ia-itu penuntut² ini bertambah daripada satu masa ka-satu masa. Tahun 1960 chuma 2 orang penuntut, tahun 1961 7 orang, tahun 1962 3 orang, tahun 1963 13 orang, tahun 1964 15 orang dan tahun 1965 23 orang. Jadi, kita berharap akan dapat menambahkan scholarship dan juga penuntut² belajar di-university di-dalam segi pertanian daripada sa-tahun ka-sa-tahun.

Wakil itu juga telah menegor berkenaan dengan menghantar beberapa orang pegawai² daripada Jabatan Pertanian ka-Amerika untuk belajar di-dalam universiti di-Amerika dengan sebab, kata-nya, pelajaran yang di-dapati di-sana tidak-lah sesuai dengan keadaan pertanian di-dalam negeri ini, dengan sebab kita berada dalam tropical climate dan Amerika berada di-dalam temperate zone, atau temperate climate. Tetapi dalam masalah ini, saya suka menerangkan kepada Dewan ia-itu di-Amerika, kita bukan sahaja dapat temperate, tetapi juga hanya sama dengan kita di-sini, tambahan pula penuntut² yang di-hantar, atau pegawai yang di-hantar ka-sana itu ada-lah dengan biasiswa yang di-beri oleh badan² yang ada dalam negeri itu sendiri. Jadi, walau macham mana sa-kali pun, asalkan kita boleh tempatkan penuntut² kita, peluang

bagi pegawai² kita menuntut, akan kita hantarkan. Dengan sebab itu akan dapat menambahkan pengetahuan kepada pegawai² kita yang ada dan akan meringankan bebanan yang sedang di-hadapi oleh Jabatan Pertanian dan jabatan² yang lain dibawah Kementerian ini, dengan sebab kekurangan pegawai² yang berpengetahuan.

Perkara yang ketiga yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu supaya biasiswa di-beri kepada kanak², atau penuntut² yang datang daripada luar bandar. Maka ini akan mendapat perhatian Kementerian ini dan kita akan jalankan, atau rundingkan dengan Kementerian Pelajaran yang berkuasa berkenaan dengan biasiswa dan pengambilan penuntut² ini. Wakil itu juga telah menyatakan ia-itu galakan tidak di-beri dengan sa-penoh-nya berkenaan dengan hal menanam buah²an, sa-hingga, kata-nya, kalau sa-kira-nya beliau hendak mengadakan dusun dan sa-bagai-nya, tidak boleh mendapat nasihat daripada Jabatan Pertanian. Maka saya rasa ini ada-lah sama sa-kali tidak betul, kerana pehak Jabatan Pertanian dan juga Kementerian Pertanian adalah sentiasa terbuka untuk memberi nasihat, atau memberi pandangan dan sa-bagai-nya satakak yang dapat kami berikan. Sa-kira-nya Ahli dari Batu itu sendiri tidak mendapat nasihat, atau tidak dapat hendak berjumpa dengan mana² pegawai pun bagi mendapat nasihat, minta-lah berhubung terus dengan Kementerian dan jangan-lah membuat tuduhan kalau sa-kira-nya sa-suatu perkara itu tidak benar.

Perkara yang keenam yang di-bawa oleh Ahli itu ia-lah berkenaan dengan membeli beras daripada luar. Kata-nya, kalau sekarang-nya kita menggalakkan tanaman padi dua kali sa-tahun dan tanaman² yang lain—ini akan merugikan, dengan sebab kita boleh mendapat beras daripada luar negeri dengan murah pada hal padi yang di-tanam dalam negeri ini dengan perbelanjaan yang lebeh mahal. Saya rasa, ini boleh jadi ada-lah salah pada pendapat sa-tengah ahli² kebangsaan yang ada di-tiap² negeri, ia-itu kita mesti-lah mempunyai bahan yang agak

chukup bagi sa-buah negara itu dan di-dalam menggalakkan pengeluaran hasil mahsul pertanian di-dalam negeri ini, kita juga tidak chuma mengeluarkan tanah yang lebeh luas—kerana barangkali tidak dapat hendak dijalankan oleh negeri kita ini dan sa-tengah negeri² dalam Malaysia ini—dengan sebab tidak ada tanah yang lebeh di-dalam menjalankan dasar, atau tujuan bagi menambah makanan ia-lah dengan tujuan menambah pendapatan ra'ayat. Hari ini kalau sa-kira-nya ra'ayat tanam padi sa-tahun sa-kali di-atas tanah yang tiga ekar, berma'ana-lah ra'ayat itu chuma akan mendapat lebeh kurang 1,200 gantang, atau lebeh kurang \$600 sahaja, tetapi kalau sa-kira-nya kita dapat menjalankan ikhtiar supaya ra'ayat ini juga, yang mempunyai tiga ekar tanah, dapat menanam dua musim sa-tahun, berma'ana-lah pendapatan padi-nya akan meningkat kepada \$1,200 sa-tahun dan di-tambah pula dengan satu, atau dua tanaman yang lain—cash crop—yang akan dapat mengeluarkan, atau menambah pendapatan yang lebeh daripada \$1,200. Jadi, ini-lah dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan pada hari ini, ia-itu menambahkan tanaman, atau jenis tanaman di-atas tanah yang sama, dan dengan itu dapat menambahkan pendapatan ra'ayat dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor atau mengutok masaalah membelanjakan sa-banyak \$214 juta bagi menjalankan satu ranchangan di-Kedah dan Perlis ia-itu dengan nama Ranchangan Sungai Muda. Kata-nya, mengapa-kah di-belanjakan wang sa-banyak \$214 juta manakala wang itu dapat di-gunakan untuk ranchangan² yang lain. Itu-lah saya katakan pada awal tadi, kita memikirkan masaalah ra'ayat yang hari ini menjadi peladang dan petani yang berharap sa-mata² dan bergantung sa-mata² kepada pendapatan padi dan pendapatan tanaman² yang lain di-atas tanah ini. Jikalau sa-kira-nya kita tidak mengadakan Ranchangan Sungai Muda dengan perbelanjaan sa-banyak \$214 juta bagi memberi kemudahan kepada 216,000 ekar tanah yang di-tanam dengan padi dua kali sa-tahun, maka barma'ana-lah kita tidak

dapat membaiki nasib ra'ayat² dan peladang² yang ada di-dalam kawasan² itu. Maka dengan sebab itu pehak Kerajaan—yang memikirkan masaalah dan kepentingan ra'ayat sa-tiap masa—tidak berlengah² bahkan menjalankan Ranchangan Sungai Muda, walau pun perbelanjaan-nya besar, tetapi memberi faedah, dan keuntongan juga besar, kepada ra'ayat yang ada di-tempat itu.

Wakil itu juga telah menegor berkenaan dengan kelambatan di-dalam melaksanakan Ranchangan Menanam Sa-Mula dan Membaiki Kelapa. Dalam masaalah ini saya juga mengaku ia-itu dalam perlaksanaan-nya kita telah boleh di-katakan terlambat sedikit, tetapi kita tidak berkehendak membuat kesalahan manakala dapat kita elakkan. Kita telah menyaksikan beberapa ranchangan yang kita buat dengan bergopoh-gapah, selalu membawa akibat yang burok. Maka, dengan sebab itu, di-dalam masaalah menanam kelapa ini, kita terpaksa mengkajikan beberapa masaalah dan kita terpaksa menjalankan perchubaaan di-beberapa tempat dan sa-kira-nya perchubaaan kita itu berjaya dan berhasil, maka salepas itu baharu-lah kita dapat menjalankan atau melaksanakan ranchangan ini dengan tidak berlengah² lagi. Jadi, dalam masa dua tahun yang sudah kita telah menjalankan penyiasatan, kita telah menjalankan perchubaaan di-Johor dan Bagan Datoh. Maka kita telah mendapat kehasilan yang baik. Dan dengan sebab itu, mulai daripada tahun hadapan—di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama—kita akan menjalankan atau melaksanakan Ranchangan Pemulehan dan Menanam Sa-Mula Kelapa ini dengan ranchak dan lanchar-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan hal ternakan yang dudok di-bawah Veterinary Surgeon. Kata-nya, perkara ini tidak ada berlaku di-seluruh dunia. Jadi dalam masaalah ini, saya suka-lah menerangkan kepada Dewan ini ia-itu pehak Kementerian saya sedang meranchangkan untuk mengadakan dua aliran atau dua jurusan di-dalam Jabatan Haiwan ini, ia-itu satu yang bersangkutan paut dengan perubatan, dan

satu, berkenaan dengan animals and husbandary development. Maka dengan ada dua ini barangkali dapat-lah kita baiki keadaan² di-dalam perjalanan pejabat itu bagi masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor perjalanan Sharikat Kerjasama dan menggunakan perkataan, ia-itu Sharikat Kerjasama ada-lah tenat sakit-nya. Maka saya suka-lah menerangkan di-sini ia-itu semenjak tertuboh-nya Sharikat Kerjasama ini lebeh kurang tiga ribu sharikat telah pun terdiri di-dalam negeri. Dan ada di-antara-nya telah berjalan dengan baik dan ada juga di-antara-nya tidak dapat bergerak dengan lancar, dengan sebab ada beberapa masalah yang berkaitan dan yang bersangkutan dengan-nya. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, ia-itu Sharikat Kerjasama ini ia-lah satu badan atau badan² yang bekerja sa-chara sukarela dan yang bekerja bergotong-royong atau pun bermufakat di-antara satu dengan lain di-dalam menjalankan satu² kerja. Dan manakala satu² Sharikat itu di-jalankan oleh ahli²-nya sa-bagai Ahli Yang Kehormat dan sa-bagai-nya, maka ada-lah beberapa perkara yang ta' baik sentiasa berlaku. Maka dengan sebab itu pehak Kementerian dan juga Jabatan Sharikat Kerjasama telah sedar masalah ini, dan untok memperbaiki-nya, saya sendiri telah pun membawa satu Undang² Pindaan kepada Undang² Sharikat Kerjasama, ia-itu memberi kuasa kepada Pegawai Sharikat Kerjasama membetulkan kesalahan² yang ada di-dalam perjalanan Sharikat² Kerjasama, dan, sa-kira-nya mustahak, menggantung jawatan² pegawai atau pun menutup sharikat² kerjasama atau pun membawa pegawai² sharikat kerjasama yang tidak menjalankan kerja² mereka dengan betul ka-mahkamah dan lain². Maka dengan ada-nya kuasa yang di-beri kepada Pegawai² Sharikat Kerjasama, saya perchaya Sharikat Kerjasama akan dapat berjalan dengan baik bagi masa yang ka-hadapan ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, kenapa-kah Jabatan Sharikat Kerjasama tidak pernah mengeluarkan laporan tahunan. Sa-

bagaimana yang saya tahu, laporan yang akhir sa-kali yang bersangkutan dengan Sharikat Kerjasama dikeluarkan pada tahun 1948. Lepas daripada itu, hingga sampai sekarang ini, tidak ada mempunyai laporan sadikit pun. Jadi bagaimana-kah kita wakil ra'ayat hendak mengetahui majukah atau tenat-kah?

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya berharaplah Ahli Yang Berhormat itu pergi kapada Jabatan Chetak, dan saya perchaya Annual Report bagi tahun 1963 boleh di-dapati di-situ. Saya tidak tahu juga sama ada 1964 sudah siap atau tidak. Tetapi tahun 1963 saya rasa boleh dapat di-situ.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya telah berjumpa dengan Librarian Parlimen saya minta kapada dia, dia kata ta' ada. Chuma tahun 1948—laporan yang di-buat pada tahun 1948 sahaja ada. Jadi, terima kaseh-lah, kalau ada untok tahun 1963. Mengikut laporan yang saya terima daripada Librarian—tidak ada.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, Ahli daripada Bachok juga telah menegor dalam masalah declaration of peace, katanya, di-antara ahli² nelayan di-tepi pantai dan ahli² nelayan yang menggunakan pukut tunda dan kata-nya sa-lepas saya mengistiharkan declaration of peace itu, semenjak daripada itu telah pun berlaku pergadohan. Dan saya rasa, saya tidak-lah memberi pengakuan ia-itu sa-lepas daripada saya perbaiki mereka itu atau pun membawa mereka itu bersama dan bersalaman² di-antara satu dengan lain—perkelahian tidak akan berlaku lagi. Kerana barang itu bukan-lah dalam kuasa saya. Kalau hendak berkelahi—ta' usahkan di-antara satu pasokan nelayan dengan nelayan yang lain, tetapi suami isteri pun berkelahi. Sunggoh pun sa-masa nikah itu saya rasa chukup sayang, chukup itu dan ini. Tetapi ada kala-nya, berkelahi juga. Jadi bagitu-lah mereka ini, sunggoh pun mereka dapat di-satukan pada satu masa, tetapi perkelahian tidak akan dapat di-elakkan kalau sa-kira-nya satu menchabul yang lain dan sa-bagai-nya.

Wakil dari Tanjong telah meminta supaya wakil² atau pun pakar² daripada F.A.O. menjalankan penyiasatan mereka dan pehak Kementerian meletakkan pegawai² daripada Jabatan² untuk mempelajari di-bawah pegawai² atau pakar² yang datang daripada F.A.O. Jadi, dalam masaalah ini saya suka-lah menerangkan di-sini ia-itu pehak Kementerian telah pun menjalankan masaalah ini, di-mana juga kita ada pakar² yang datang daripada badan² antara-bangsa atau mana² negeri juga, maka kita akan meletakkan sa-orang atau dua orang pegawai daripada Jabatan itu untuk mempelajari dan manakala pakar² itu kembali kelak, maka pegawai kita dapat-lah meneruskan kerja² itu. Dalam masaalah berkenaan tentang perbelanjaan pakar² itu, saya suka-lah menerangkan ia-itu gaji pakar² itu ada-lah di-bayar oleh badan² yang menghantar mereka itu, sama ada daripada F.A.O. atau dari pada mana² juga.

Tetapi kita akan bayar, atau Kementerian ini akan bayar perbelanjaan² kenderaan, perbelanjaan runchit yang akan di-belanjakan oleh pakar² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah meminta pehak Kementerian supaya menggalakkan "deep sea fishing" atau pun menangkap ikan di-lautan yang dalam, di-lautan tengah, maka ini ada-lah menjadi dasar pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu memberi galakan dan menggalakkan mana² perusahaan bagi mendapatkan menangkap ikan² yang ada di-tengah² laut. Maka dengan sebab itu-lah semenjak beberapa bulan yang sudah, pehak Kementerian ini telah pun memberikan kebenaran berkenaan dengan menjalankan perusahaan menangkap ikan dengan pukut tunda di-lautan tengah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada minta supaya pehak Kementerian ini memberikan pandangan berkenaan dengan "consumer cooperative" dan juga "ownership of land cooperative". Jadi dalam dua masaalah ini, saya akan menimbangkan dan akan memberi pertimbangan yang saksama dalam masaalah ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor atau meminta manakala pakar² di-ambil daripada luar negeri atau daripada mana² badan, hendaklah mengkaji masaalah perhubungan di-antara pengeluaran dan harga yang sesuai di-bandar², kajian pasaran dan menyimpan dan juga mengexportkan barang² itu. Jadi masaalah ini sekarang ini ada-lah di-jalankan dan akan di-jalankan oleh Lembaga pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan dan saya perchaya manakala Lembaga ini berjalan dengan lancar-nya kelak, akan dapat mengkaji dari satu masa ka-satu masa dan melaksanakan pendapatan² atau kajian² mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga meminta supaya di-beri galakan dan juga memberi bantuan kepada penanam² tembakau. Masaalah ini saya akan timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Raub, minta supaya Jabatan Parit dan Taliayer menjalankan siasatan berkenaan dengan empang taliayer yang ada di-Raub. Dalam masaalah ini saya akan minta pegawai yang ada dalam negeri itu berhubung dengan Ahli Yang Berhormat dan barangkali bersama² dapat membinchangkan masaalah² ini. Bagitu juga perkara yang kedua yang di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu kawasan Raub selalu di-timpai oleh bah. Perkara ini saya akan minta pegawai yang berkenaan mengkajikan-nya. Perkara yang ketiga ia-lah beliau menyatakan penyakit kerbau berkurangan, kerjasama pegawai sangat dihargai dan sa-bagai-nya sa-hingga hendak di-beri pingat dan lain-nya. Jadi dalam masaalah ini saya minta-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu satu sahaja jalan memberikan terima kaseh kepada pegawai² itu, ia-itu beri-lah kerjasama yang penoh kepada pegawai² yang ada di-jabatan² itu. Perkara yang keempat yang di-bawa oleh-nya ia-lah ikan di-Sungai Raub itu elok, chantek, sedap dan sa-bagai-nya, tetapi sentiasa di-rosakkan atau di-musnahkan oleh tuba dan juga rachun. Jadi dalam masaalah ini, saya telah pun menulis kepada pehak yang berkuasa Kerajaan Negeri Pahang meminta kerjasama

daripada Kerajaan Negeri Pahang bagi mengelakkan perkara² ini berlaku, oleh sebab di-dalam urusan perikanan ini, ikan di-laut di-bawah jagaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, ikan di-sungai di-bawah jagaan Kerajaan Negeri. Jadi saya telah pun menulis kepada Kerajaan Negeri meminta kerjasama daripada Kerajaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara telah minta supaya di-beri kesempatan memberi apa² juga kemudahan kepada ra'ayat yang ada di-dalam kawasan-nya dengan sebab rancangan Sungei Muda itu tidak akan dapat di-nikmati oleh ra'ayat yang ada di-dalam kawasan-nya.

Beliau meminta supaya, sama ada taliayer itu di-teruskan ka-kawasan-nya atau pun buat-lah satu ban daripada yang ada kepada Titi Bumbong Lima. Jadi, dalam masalah ini, saya suka-lah menerangkan ia-itu manakala siap Rancangan Sungei Muda itu, boleh jadi keadaan bah di-tempat dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu akan dapat di-elakkan. Dengan sebab sa-kurang²-nya kita akan menakongkan ayer yang banyak di-kawasan ulu dan dengan sebab itu kawasan di-bawah boleh jadi kering sadikit dan itu akan mengelakkan bah menimpa kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Jadi berkenaan dengan permintaan supaya meneruskan pembenaan ban itu, saya akan minta kepada Pegawai Parit dan Taliayer untuk menjalankan siasatan dan manakala penyata-nya sampai kelak, saya akan mengkaji-nya.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga ia-itu chara memberi lembu, kerbau, dan kambing ia-itu yang betina sahaja dan tidak di-beri yang jantan dan di-minta supaya kambing, kerbau, lembu jantan melawat kepada yang betina itu, maka saya suka-lah menerangkan di sini ia-itu dasar pehak Kerajaan ia-lah memberi yang betina dan betina yang ada itu boleh berchampur dengan jantan yang ada. Tetapi dalam masalah ini saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat mema'afkan kalau sa-kira-nya barangkali kotor sadikit chakap saya.

Tuan Speaker: Apa jadi dalam masaalah tuan kata, tuan kotor, kalau kotor itu ta' boleh.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kalau ta' boleh, saya ta' payah jawab-lah. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu berjumpa dengan saya terus dan dapat-lah kita rundingkan macham mana kita hendak membiakkan lembu² dan kerbau² yang ada itu walau pun tidak ada jantan (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat, telah berchakap berkenaan dengan pemulehan kelapa yang tegas dan berkehendakkan supaya satu lembaga di-lantek untuk menjalankan usaha² berkenaan dengan memulehkan dan membaiki keadaan pokok² kelapa ini. Jadi, saya suka-lah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, kalau sa-kira-nya kita hendak adakan lembaga untuk memuleh dan menanam sa-mula kelapa dan sa-bagai-nya, maka barangkali, sa-bagaimana yang ada kepada getah, boleh jadi ini akan membebaskan lagi kepada peladang² kelapa yang ada di-dalam negeri ini, dengan sebab manakala tertuboh-nya lembaga menanam sa-mula getah dan sa-bagai-nya yang ada di-dalam negeri ini, maka di-situ datang-lah kutipan cess di-atas penjualan getah² itu. Jadi kalau sa-kira-nya kita berkehendak pula di-tubuhkan lembaga berkenaan dengan menanam sa-mula kelapa maka terpaksa-lah kita mengutip cess pula berkenaan dengan penjualan kelapa dalam negeri ini, yang mana, saya rasa, tentu-lah memberi bebanan yang besar kepada peladang² penanam kelapa yang ada dalam negeri ini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya suka Yang Berhormat Menteri kita memberi penerangan yang lebih jelas lagi sebab mengapa pula berkenaan getah itu kita sanggup mengenakan cess tetapi kelapa kita tidak sanggup. Ada-kah oleh kerana kita takut kepada orang kampung itu kena chukai cess, maka kita rentikan kemajuan dia. Boleh jadi dari segi perasaan, kita kasehan kepada orang kampung, tetapi jawapan dari segi ekonomi, tidak betul macham itu. Saya tidak mahu dari segi perasaan—saya mahu dari segi ekonomi.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan getah ini, kita chukup-lah senang hendak menjual getah ka-luar negeri—hendak ekspot getah ka-luar negeri, tetapi berkenaan dengan kelapa ini, boleh jadi susah sadikit, ada kalanya susah hendak ekspot. Yang keduanya, berkenaan dengan kelapa ini-lah dalam perengkat perchubaaan, kita hendak menanam sa-mula, hendak memuleh dan sa-bagai-nya. Jadi kalau sa-kira-nya kita belum sampai kepada perengkat yang baik lagi, kemudian kita sudah meletakkan cess kepada ra'ayat, boleh jadi ini akan membebankan ra'ayat. Jadi perbelanjaan yang awal biar-lah di-tanggung oleh Kerajaan ia-itu dalam masa kita menchuba dan sa-bagai-nya, di-belanjakan oleh Kerajaan dan dengan sebab itu-lah di-dalam pemulehan dan menanam samula kelapa ini, pehak Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan bagi menjalankan usaha² dan kerja² ini. Boleh jadi sa-lepas daripada kita sudah mendapat kejayaan yang baik di-dalam perchubaaan kita ini, baharu-lah dapat kita tauladani Lembaga yang ada berkenaan dengan getah dan sa-bagai-nya.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, jikalau berkenaan dengan cess itu kita takutkan sebab kita tidak dapat hendak menyalorkan jualan kelapa,—kita bimbang di-situ—tetapi statistics (perangkaan) menunjukkan bahawa ekspot kita bukan main baik ia-itu 29,000 tan dan hampir² 30,000 tan sedang kita impot hanya lebeh kurang 1,000 tan sahaja, jadi angka ini menunjukkan bahawa kita ekspot minyak kelapa itu memang baik. Jadi bagaimana pula alasan Menteri mengatakan bahawa kita susah hendak ekspot itu, tetapi angka ini menunjukkan bagus.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, dalam masalah ekspot getah dengan kelapa ini, dia ada-lah berlainan. Jadi, getah selama ini boleh di-katakan semua getah kita yang keluar dalam negeri ini di-ekspot ka-luar negeri, sangat sadikit jumlah-nya yang di-gunakan dalam negeri, tetapi kelapa berlainan. Kita ada kilang² kelapa yang mengeluarkan

minyak di-dalam negeri ini. Jadi untuk hendak mengutip cess dan sa-bagai-nya, sangat-lah susah ia-itu berlainan sangat dengan keadaan penjualan getah di-dalam negeri ini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya kelapa ini menjadi local consumption lagi kita tidak takut tentang ekspot itu kurang, dan itu juga menjadi hujah bahawa tidak betul hujah kita hendak takutkan kerana cess itu, kalau sa-kira-nya kelapa menjadi local consumption—itu lagi kuat dari segi ekonomi.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, takut tidak ada sama sa-kali di-dalam masalah ini. Chuma kalau sa-kira-nya kita, hari ini, boleh di-dalam masa perengkat perchubaaan memberi petolongan dengan perchuma kepada ra'ayat, mengapa-kah pula di-kenakan cess, di-bebankan kepada ra'ayat? Ada-kah Ahli itu memikirkan kita mesti membebankan ra'ayat walau pun kita belum mendapat kejayaan dalam masalah ini?

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu juga telah menegor perkara berkenaan dengan Sekolah Perikanan dan tidak ada bimbingan kepada penuntut² lepasan belajar itu. Jadi masalah ini sangat-lah rumit ia-itu yang pertama, masalah memberi pelajaran kepada nelayan² dan yang kedua memberi peluang² kepada nelayan² itu bekerja untuk menchari nafkah mereka. Jadi dalam ranchangan yang di-jalankan yang sudah² ini, kita memberi latehan kepada nelayan² itu, ia-itu kita mengambil beberapa orang nelayan pada tiap² penggal di-bawa ka-sekolah latehan—di-beri latehan dan mereka ini sa-patut-nya balek ka-tempat mereka dan meneruskan ikhtiar² atau usaha² mereka sa-bagai nelayan biasa.

Jadi dalam ucapan-nya Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor ia-itu ada di-antara pelajar² yang di-bawa ka-sekolah² ini yang tidak ada mempunyai kemahuan sa-bagai nelayan, dan manakala kembali, tidak menjadi sa-orang nelayan atau tidak

meneruskan sa-bagai sa-orang nelayan, tetapi jadi tukang gunting dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini kalau sa-kira-nya ada silap satu dan dua itu, maka tidak dapat hendak di-ketahuī oleh pegawai² perikanan dengan sa-penoh-nya, kerana manakala kita mengambil pelajar² itu berlateh, kita menulis kepada persatuan² yang ada di-tempatan, kita meminta kepada ketua kampung, kita meminta kepada penghulu dan sa-bagai-nya. Ada kala-nya barangkali satu dua yang tersilap, jadi, saya rasa, ini tidak-lah dapat menjadi ukoran sa-bagai dasar Kementerian ini memberi latehan kepada orang² yang tidak ada kemahuan di-dalam satu² jurusan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengemukakan masalah pemasaran ikan yang tidak sa-patut-nya. Kata-nya, ikan tengiri di-Kuala Lumpur \$1.80 manakala di-Tumpat 50 sen. Jadi, masalah ini telah pun lama di-ketahuī oleh Kementerian ini dan sebab itu-lah Kementerian ini telah pun mengemukakan satu ranchangan ia-itu penubohan Lembaga Pemasaran Hasil Mahsul Pertanian dalam negeri ini, dan saya juga suka-lah mengingatkan sa-bagaimana yang sentiasa di-ingatkan ia-itu Lembaga ini tidak-lah dapat hendak mengubah keadaan² pasaran di-dalam negeri ini dengan serta-merta sa-umpama memetek switch lampu sahaja dan terus menjadi terang. Lembaga ini terpaksa-lah mengambil masa untuk menjalankan kajian—menjalankan ranchangan² ini dan melaksanakan ranchangan² ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menegor ia-itu ranchangan telah kita buat bagi ra'ayat negeri ini di-dalam bidang menanam getah, di-dalam bidang perkampongan, di-dalam bidang itu dan ini, tetapi tidak ada langsung ranchangan bagi nelayan². Saya suka-lah menerangkan di-sini, kita telah menjalankan beberapa ranchangan bagi pemulehan nelayan² yang ada, baik di-Trengganu, mahu pun di-Melaka dan ada di-Selangor kita telah jalankan, tetapi dukachita di-Kelantan barangkali tidak ada perkara ini di-jalankan, dengan sebab Kerajaan Kelantan tidak menjalankan-nya. Per-kara² ini ada-lah di-jalankan oleh

Kerajaan Negeri dengan sokongan dan pertolongan daripada Kerajaan Pusat sahaja.

Mr Speaker: Masa sudah sampai.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, dalam lima minit.

Sa-perkara lagi yang di-bangkitkan ia-itu berkenaan dengan pelajaran, terutama sa-kali Kolej Pertanian. Jadi Kolej Pertanian ini, saya suka-lah menerangkan ada-lah dudok-nya di-bawah kuasaan Universiti of Malaya, tidak lagi di-bawah Kementerian Pertanian. Dan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, kita akan menubuhkan Kolej ini lagi dan pehak Kementerian saya juga akan berikhtiar menambahkan sekolah² pertanian di-dalam negeri ini.

Sa-perkara lagi, beberapa orang Ahli telah meminta supaya di-adakan kajian atau siasatan berhubung dengan membiakkan anak² udang galah. Ini, saya rasa termasuk-lah wakil dari Larut Utara, meminta supaya udang galah ini di-biakkan. Maka di-sini saya suka-lah menerangkan ia-itu perchubaaan bagi membiakkan anak udang galah ini telah pun berjaya dan kita akan dapat mengeluarkan anak² udang galah tidak lama lagi ia-itu dengan jalan memberi biakan. Kita menjalankan biakan ini bukan sahaja terhadap kepada ikan, tetapi kita telah menchubakan kepada beberapa jenis ikan dan sekarang ini kita menjalankan biakan berkenaan dengan udang galah. Jadi dalam masaalah ini, saya berharap-lah Ahli² Yang Berhormat jangan chemburu dengan sebab ikan itu sentiasa di-buang, kata-nya, di-Chenderoh Lake atau Tasek Chenderoh, tetapi siapa juga yang berkehendakkan anak ikan berhubung-lah dengan Pegawai Perikanan. Kita dapat memberi walau 10,000 atau 20,000 anak ikan pun.

Jadi sa-takat ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya mengemukakan supaya peruntokan di-bawah Kementerian ini ia-itu Kepala S. 13—Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang berjumlah sa-banyak

\$18,424,044 itu di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Terima kaseh.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Question put, and agreed to.

The sum of \$18,424,044 for Head S. 13 ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr Speaker: I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1966, has progressed to Head S. 13 of the Schedule.

The House is adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8.00 p.m.